

# Laporan ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR **AKNC**





# LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2021

FAKULTI SENIBINA PERANCANGAN DAN UKUR  
PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

---

**KETUA PTJ :**

JAMALUNLAILI BIN ABDULLAH

**KETUA UNIT KUALITI :**

ANI SAIFUZA BT ABD SHUKOR

**PENYELARAS :**

ANI SAIFUZA BT ABD SHUKOR

**PENULIS :**

1. ANI SAIFUZA BT ABD SHUKOR
2. NOR RIMA BT MUHAMAD ARIFF
3. ROHAYU BINTI AB MAJID
4. JULaida BINTI KALIWON
5. MOHD KHAIRUL ANUAR BIN JALIL
6. SUHANA BINTI ISMAIL
7. EZLINA BINTI MOHD AHNUAR

8. ELY ROUZEE BINTI JAMALUDDIN
9. LILIS SHEREENA BINTI SAFIEE
10. ABDUL 'IZZ BIN MOHAMAD KAMIL
11. NOORUL NADYA BINTI SHAHARUM
12. SRI RAHAYU BT MOHD SA'AD
13. ANIS SAZIRA BINTI BAKRI
14. FIRDAUS BIN CHEK SULAIMAN
15. HAMIZAH BINTI YAKOB
16. SULIAHTI BT HASHIM
17. ELMA DEWIYANA BINTI ISMAIL
18. ABDUL RAUF BIN ABDUL RASAM
19. NOOR ASYIKIN BINTI MD. NOR
20. NORIAH BINTI OTHMAN
21. SHAMSIDA BINTI SAIDAN KHADERI
22. MUHAMMAD AZWAN BIN SULAIMAN
23. MASZUWITA BINTI ABDUL WAHAB
24. NORALIZA BINTI BASRAH
25. SITI MAZWIN BINTI KAMARUDDIN
26. ZANARIAH BINTI ABU SAMAH
27. HANISAH BINTI YACOB
28. NURULHUDA BINTI ABDUL HAMID @ YUSOFF
29. KARTINI BINTI KASMURI
30. SITI AEKBAL BINTI SALLEH
31. MUHAMMAD ADAM BIN ZAKARIA
32. MUHAMMAD BAHTIAR BIN MASIDIN

## **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

### **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

#### **Perancangan**

Di bawah kepimpinan Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur (FSPU), perancangan strategik yang sistematik telah diformulasikan melalui Pelan Perancangan Strategik FSPU 2016-2020. Perancangan strategik fakulti diselaraskan dengan keperluan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) 2016-2020, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 dan Pelan Strategik UiTM. Berteraskan bidang Alam Bina dan memperkasakan slogan ***Generations of Profesional Excellence***, FSPU telah mencapai keutuhan dan kemantapan dalam merealisasikan visi, misi, dasar dan piagam pelanggan yang telah ditetapkan. Pendekatan **3R** yang membawa maksud ***Recognition, Reward and Responsibility*** dan ***Triple Double*** telah diterapkan di dalam budaya kerja warga fakulti untuk melahirkan warga yang bercirikan budaya perdana merangkumi nilai kepimpinan, berintegriti, berkomitmen, bekerjasama dalam pasukan dan bersedia membuat penambahbaikan berterusan dalam ekosistem PdP.

#### **Pelaksanaan**

Pentakrifan visi, misi dan dasar fakulti menjadi pemangkin kepada pelan pelaksanaan PdP FSPU. Kolaborasi bersama pemegang taruh daripada industri menjadi keutamaan barisan pemimpin pengurusan tertinggi FSPU, seiring dengan kehendak pasaran untuk menjamin pasaran graduan FSPU. Pengembelingan sumber dengan pelbagai mekanisma yang sistematik dan inovatif melalui pengajaran secara hibrid iaitu secara bersemuka dan di atas talian telah dilaksanakan bagi memastikan inisiatif dapat dilaksanakan dengan jayanya. Kompetensi teras sebagai unsur memperkayakan ilmu di kalangan tenaga kerja akademik dan sokongan telah menyumbang kepada pencapaian positif pelajar. Pengiktirafan oleh badan profesional menjamin kelangsungan dan kelestarian program di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Inisiatif berkonsepkan **Prihatin FSPU** telah dilaksanakan untuk memberi tumpuan kepada proses pembelajaran pelajar B40 semasa pandemik COVID-19 yang mula melanda ekosistem PdP di negara kita.

#### **Pemantauan**

Pelan pemantauan PdP FSPU secara strategik dibahagikan kepada 3 aras utama iaitu: (i) aras strategik melibatkan mesyuarat utama membuat keputusan utama iaitu JAF, Mesyuarat Pengurusan dan Mesyuarat MKSP, (ii) Aras taktikal di peringkat mesyuarat JKAPS, pusat pengajian, unit-unit utama seperti Perancangan Strategik FSPU, NOBLe, Kualiti (termasuk audit dan risiko), dan lain-lain dan (iii) aras pelaksanaan operasi yang melibatkan penilaian pemeriksa luar, industri, unit-unit seperti unit makmal, unit ruang, jadual waktu, sumber dan sebagainya. Pemantauan diadakan secara berjadual supaya konsisten, keselarasan, boleh dicapai (feasible) dan mempunyai kelebihan untuk penambahbaikan dan juga merancang inisiatif pada masa akan datang. Pada tahun 2020, susulan pandemik COVID-19, operasi dan penyampai PdP telah mengalami perubahan yang drastik dan telah menimbulkan kejutan kepada semua pemegang taruh terutamanya yang berkait secara langsung iaitu para pensyarah dan pelajar. Amalan digital IR 4.0 dan konsep pendidikan maya Education 5.0 diberi penekanan. Fakulti telah mengambil pendekatan pantas supaya pematuhan pekeliling-pekeliling akademik dipatuhi bagi melancarkan operasi PdP. Fakulti secara ad-hoc tetapi terancang juga telah menu buhkan **Jawatankuasa Task Force COVID-19 FSPU** supaya pematuhan SOP di kampus dipatuhi dengan mengambil kira pelbagai kepentingan dan kekangan pemegang taruh.

#### **Tindakan Penambahbaikan**

Strategi penambahbaikan FSPU berdasarkan amalan pensijilan ISO 9001:2015 secara berterusan yang selari dengan dasar jaminan Kualiti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Maklumbalas daripada pemeriksa luar dan panel industri tetap dijalankan walaupun ketika negara dilanda wabak COVID-19. Lantikan pemeriksa luar dan panel industri yang tamat tempoh diteruskan bagi memastikan proses penambahbaikan tidak tergendala. Tindakan penambahbaikan berterusan menjamin kualiti bidang tumpuan. FSPU telah mengenalpasti dua kategori utama pelanggan iaitu dalaman (pelajar dan pensyarah), dan pelanggan luaran (ibubapa, badan profesional, industri, dan komuniti Profesional). Komen membina daripada pelanggan dan maklumbalas diambilkira untuk memastikan penambahbaikan yang berterusan terarah kepada penjaminan penawaran program berkualiti, suasana pembelajaran yang kondusif, dan pencapaian kadar kebolehpasaran graduan yang tinggi.

## 1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Berteraskan slogan ***Generations of Professional Excellence***, kepimpinan FSPU yang diterajui oleh Dekan dan pengurusan kanan fakulti menampilkan pendekatan profesionalisma dalam segala aspek pengajaran dan pembelajaran (PdP) (Bukti 1.2.1 Carta Organisasi FSPU). Seiring dengan visi, misi, dasar, piagam pelanggan, objektif kualiti dan memperkasakan slogan **Kepimpinan melalui teladan**, Dekan selaku tunggak kepada pengurusan fakulti mengetuai barisan staf akademik memiliki kelayakan Profesional dan ini juga dibuktikan dengan kemenangan beliau dalam AAU 2020 dianugerahkan sebagai penerima Anugerah Kepimpinan Akademik (Bukti 1.2.2 Visi, Misi, Dasar, Piagam, Objektif Kualiti FSPU dan kemenangan AAU 2020). Sehingga 2020 seramai 132 staf akademik telah mendapat kelayakan profesional daripada Lembaga Profesional dan keahlian Profesional daripada Badan Profesional Tempatan, dan ini telah digariskan di dalam objektif kualiti fakulti. Untuk memantapkan lagi kewibawaan kepemimpinan FSPU, pendekatan **3R** yang membawa maksud **Recognition, Reward and Responsibility** dan **T<sup>3</sup>D<sup>2</sup>** yang membawa pengertian **Triple Double** telah diterapkan di dalam budaya kerja warga fakulti untuk melahirkan warga kerja yang bercirikan budaya perdana merangkumi nilai kepimpinan, berintegriti, berkomitmen, bekerjasama dalam pasukan dan bersedia membuat penambahbaikan berterusan dalam proses PdP (Bukti 1.2.3 Inisiatif Pengurusan Kanan).

Pendekatan dan pembudayaan memperkasakan digital (ODL dan hibrid) di dalam pelbagai spektrum dan mekanisme PdP membawa kepada pendekatan secara inovatif seiring dengan halatuju dan aspirasi universiti dalam menghasilkan kecemerlangan dari segi operasi. Suasana persekitaran kerja boleh menjadi penentu dalam melahirkan pekerja yang cekap dengan tenaga kerja yang optima. Pengagihan kewangan yang sejahtera telah memastikan kelancaran PdP melalui pelantikan pensyarah sambilan berkelayakan Profesional dan naik taraf keperluan fizikal telah meningkatkan indek kegembiraan warga FSPU. Ekosistem di tempat kerja kekal harmoni melalui **konsep Open Door** oleh pucuk kepimpinan dan secara dua hala iaitu *top-down* dan *bottom-up*. Kelangsungan ini dicapai melalui “perdebatan” secara sihat semasa perjumpaan akademik, mesyuarat pengurusan dan mesyuarat mengkaji semula pengurusan (Bukti 1.2.4 Surat lantikan pensyarah sambilan dan Petikan Minit Mesyuarat FSPU). Ruang dan peluang untuk menyuarakan pandangan sentiasa terbuka luas tanpa sekatan untuk mengutuhkan lagi proses pendidikan. Perkongsian pendapat dari semua lapisan warga fakulti menjadi elemen utama dan pemangkin dalam kelangsungan fakulti untuk meneruskan agenda melahirkan graduan yang bercirikan holistik, dinamik, dan inovatif untuk memenuhi kehendak pemegang taruh secara spesifik, mampu bersaing dan menyumbang kepada pembangunan negara.

Dalam memastikan kemandirian program, pengiktirafan oleh badan profesional terhadap program samada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa amat dititikberatkan dan untuk menggarap objektif ini, pendekatan yang terancang dan sistematik telah diterapkan oleh kepimpinan kanan FSPU dalam memastikan semua program di peringkat sarjana muda mendapat pengiktirafan sekurang-kurangnya di peringkat kebangsaan. Beberapa program seperti Senibina, Pembinaan dan Pengurusan Taman juga telah mendapat pengiktirafan antarabangsa (Bukti 1.2.5a - 1.2.5b Pengiktirafan Program oleh Badan Profesional). Pengiktirafan program telah menghasilkan kurikulum yang menepati spesifikasi MQA dan badan Profesional dan ini telah menjamin kelestarian fakulti sebagai fakulti yang menjadi pakar rujuk di dalam bidang Alam Bina di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Pandemik COVID-19 telah menyaksikan perubahan di dalam landskap dan ekosistem PdP. Kepimpinan kanan fakulti telah mengambil pendekatan yang sejahtera dan merujuk kepada badan Profesional untuk memastikan kualiti PdP dan kualiti pelajar tidak dikompromi dengan kaedah

PdP yang berteraskan atas talian. Berpandukan garis panduan yang dikeluarkan oleh badan profesional, proses PdP tetap berjalan lancar dan sistematik. Penglibatan kepimpinan FSPU secara konsisten di dalam penggubalan dasar, prosedur dan piawaian program dengan badan Profesional berkaitan merupakan pendekatan yang paling signifikan dalam memastikan program kekal relevan dalam keadaan pandemik yang melanda sekitar tahun 2019 hingga kini. Sebagai contoh, dekan selaku ahli jawatankuasa tertinggi dan pakar rujuk di dalam Badan Profesional Perancang telah terlibat secara langsung di dalam membentuk pekeliling berkaitan PdP yang menjadi rujukan institusi pengajian tinggi di seluruh Malaysia. (Bukti 1.2.5c - 1.2.5e Penglibatan Kepimpinan Kanan dalam Badan Profesional).

**SENARAI BUKTI:**

1. [1.2.1 Carta Organisasi FSPU.pdf](#)
2. [1.2.2 Visi, Misi, Dasar, Piagam, Objektif Kualiti FSPU dan kemenangan AAU 2020.PDF](#)
3. [1.2.3 Inisiatif Pengurusan Kanan\\_compressed.pdf](#)
4. [1.2.4 Mesyuarat FSPU.pdf](#)
5. [1.2.5 Badan Professional.pdf](#)

### **1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Perluasan adalah tindakan yang menggembung sumber supaya tindakan yang diambil menjadi lebih efektif. Elemen yang penting dalam pengurusan perluasan adalah komunikasi yang bersistematik. Pemakluman dan penyebaran maklumat daripada pihak pengurusan kepada warga FSPU menggunakan kepelbagaiannya mekanisma iaitu melalui e-mail, laman sesawang dan media sosial. Dengan melandanya pandemik COVID-19, penyebaran maklumat secara atas talian kepada warga FSPU dan pemegang taruh lebih pantas dan efektif (Bukti 1.3.1 Laman Sesawang FSPU, E- Newsletter dan Media Sosial).

Pengiktirafan oleh badan profesional di Fakulti menjamin kelangsungan dan kelestarian program di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Untuk menzahirkan setiap program terus relevan dan mengekalkan pengiktirafan daripada badan profesional, semakan kurikulum mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh badan profesional dilaksanakan dalam jangkamasa 3 hingga 5 tahun. Penglibatan pakar rujuk dari industri dan akademik dalam pembangunan akademik program di fakulti telah memberi kesan positif kepada proses PdP (Bukti 1.3.2 Semakan Kurikulum dan Akreditasi).

Kepimpinan fakulti komited untuk meningkatkan teras kompetensi di kalangan tenaga kerja akademik dan bukan akademik. Untuk merealisasikan strategi ini, pelan tindakan berkonsepkan **3R (Recognition, Reward dan Responsibility)** telah digerakkan di mana profesor yang merupakan tulang belakang kecemerlangan akademik di fakulti telah menggalas tanggungjawab untuk mengetuai portfolio. Selain daripada itu, inisiatif berkonsepkan mentor-mentee ( $M^2$ ) di kalangan gred pensyarah yang lebih tinggi dengan pensyarah muda telah meningkatkan kemahiran teras dan menggerakkan motivasi ke arah PdP di samping mempromosikan semangat bekerjasama dan persaingan yang sihat (Bukti 1.3.3 Peranan Profesor dalam Pelaksanaan 3R dan Triple Double).

Pengurusan FSPU telah menterjemahkan aspirasi UiTM melalui Perancangan Strategik FSPU 2016-2020 di pandu oleh penyelaras perancangan strategik. "Mekanik" perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan berterusan sistem pengurusan kualiti adalah tuggak jaminan kualiti secara menyeluruh dalam PdP. Kesinambungan jaminan kualiti yang menjadi titik tumpu dalam amalan terbaik dilaksanakan oleh warga kerja FSPU atas arahan pengurusan dipacu melalui Integrated Quality Management System (iQMS) yang melibatkan kepatuhan MQA (COPPA dan COPIA) dan ISO 9001:2015. Pelaksanaan jaminan kualiti bersandarkan manual kualiti, prosedur pengurusan kualiti dan proses kerja telah diteliti rapi dan diasimilasikan oleh kepimpinan kanan FSPU dalam membudayakan kualiti di kalangan warga FSPU (Bukti 1.3.4 Unit Kualiti FSPU). Pelaksanaan audit dalam dan langkah mitigasi susulan daptan audit telah menyelesaikan isu berkaitan PdP seperti proses kerja dan fasiliti pembelajaran. Pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada proses pembelajaran pelajar. Tindakan pantas kepimpinan kanan FSPU dengan pelaksanaan inisiatif berkonsepkan

**Prihatin FSPU** telah meringankan beban pelajar B40 melalui penyediaan peruntukan untuk membeli data internet seramai 100 pelajar untuk setiap pusat pengajian (Bukti 1.3.5a Minit Mesyuarat TAPA).

Dari aspek PdP, kerjasama berterusan dan hubungan baik yang terjalin dengan rakan industri memberi kesan yang positif kepada pelajar melalui perkongsian ilmu dan penempatan latihan praktikal dan dari aspek kebolehpasaran graduan melalui peluang pekerjaan. Alumni memainkan peranan yang sangat bernilai dan signifikan dalam mengujudkan jenama pelajar, graduan dan fakulti menerusi pemasaran secara *verbal*. Oleh itu agenda kelestarian pendidikan dengan pihak alumni dimeterai melalui penubuhan Persatuan Alumni FSPU. Kerjasama dengan pihak alumni diterjemahkan dalam bentuk perkongsian ilmu, maklumbalas dalam penambahbaikan kurikulum dan peluang menjalani latihan industri dan peluang pekerjaan. Tindakan kepimpinan kanan fakulti untuk menjamin keberkesanannya dalam PdP bersifat menyeluruh merangkumi faktor dalaman yang melibatkan tenaga kerja akademik

dengan iuaran yang melibatkan rakan alumni khasnya dan rakan industri serta rakan akademik amnya. Dengan pendaftaran Pertubuhan Alumni Alam Bina, FSPU pada 26 Mac 2019, ikatan dan kerjasama alumni diperkuuhkan lagi untuk kesinambungan PdP (Bukti 1.3.5b Pertubuhan Alumni Alam Bina FSPU).

Pihak kepimpinan FSPU amat peka kepada tahap kepuasan pemegang taruh. Justeru itu, penyediaan dan pelaksanaan saluran untuk penyampaian maklumbalas pelanggan secara hibrid iaitu melalui media sosial dan komunikasi konvensional diberi pilihan. Suara pemegang taruh yang terdiri daripada pelajar, ibu bapa, alumni dan industri menjadi asas utama dalam proses penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran dari masa ke semasa (Bukti 1.3.5c Media Sosial sebagai Mekanisme Maklumbalas). Pelaksanaan inisiatif ini telah memberi kesan yang positif dan efektif supaya FSPU kekal relevan dalam bidang Alam Bina mengikut kehendak masa kini.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [1.3.1 Laman Web, FB, e-News Letter.pdf](#)
2. [1.3.2 Panel Industri & Semakan Kurikulum.pdf](#)
3. [1.3.3 Peranan Profesor FSPU\\_compressed.pdf](#)
4. [1.3.4 Unit Kualiti FSPU.pdf](#)
5. [1.3.5a Minit TAPA, 1.3.5b Pertubuhan Alumni FSPU & 1.3.5c Media Sosial sebagai Mekanisma Maklumbalas\\_compressed.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Kepimpinan FSPU mengamalkan pelan pemantauan berkala yang melibatkan pelbagai unit samada di peringkat pengurusan, pusat pengajian, pentadbiran dan unit-unit sokongan bagi memastikan bidang tumpuan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) berjalan dengan lancar. Pelan pemantauan juga melibatkan pelbagai pemegang taruh seperti pensyarah, pelajar, pentadbiran, industri dan sebagainya supaya PdP mencapai hubungan antara hasil pembelajaran, aktiviti PdP, pentaksiran (CLO, PEO, PLO) dan seterusnya mencapai objektif kualiti FSPU (Bukti 1.4.1.1 Aras Pemantauan, Fungsi Utama dan Maklumbalas Pelanggan).

Pelan strategik pemantauan dibahagikan kepada 3 aras utama: (i) aras strategik melibatkan mesyuarat utama membuat keputusan utama iaitu JAF, Mesyuarat Pengurusan dan Mesyuarat MKSP, (ii) Aras taktikal di peringkat mesyuarat JKAPS, pusat pengajian, unit-unit utama seperti Perancangan Strategik FSPU, NOBLE, Kualiti (termasuk audit dan risiko), dan lain-lain dan (iii) aras pelaksanaan operasi yang melibatkan penilaian pemeriksa luar, industri, unit-unit seperti unit makmal, unit ruang, jadual waktu, sumber dan sebagainya. Pemantauan secara berjadual telah memacu keselarasan, keseimbangan dan kebolehcapaian inisiatif dengan penambahbaikan yang konsisten dan berterusan.

Kemunculan pandemik COVID-19 pada tahun 2020 menyaksikan perubahan drastik dalam operasi PdP dan telah menimbulkan kejutan kepada semua pemegang taruh terutamanya yang berkait secara langsung iaitu para pensyarah dan pelajar (Bukti 1.4.1.2 Pelaksanaan PdP 2019 - 2020). Amalan digital IR 4.0 dan konsep pendidikan maya Education 5.0 diberi penekanan. Fakulti telah mengambil pendekatan pintas dan pantas berdasarkan pekeliling akademik versi COVID-19 bagi melancarkan operasi PdP. Penubuhan Jawatankuasa *Task Force COVID- 19* FSPU memantau pematuhan SOP di fakulti dengan mengambil kira pelbagai kepentingan dan kekangan pemegang-pemegang taruh (Bukti 1.4.1.3 *Task Force COVID-19* FSPU).

Proses PdP dipantau oleh pasukan NOBLE yang diketuai oleh Timbalan Dekan Akademik bagi memastikan pencapaian CLO dan PLO dicapai melalui pembelajaran terbuka dan secara jarak jauh (*Open Distance Learning: ODL*) (Bukti 1.4.1.4 Pemantauan Operasi PdP FSPU). Ini bukan sahaja terhad di kampus utama tetapi juga melibatkan program-program di kampus cawangan supaya konsistensi PdP dicapai. PdP dilaksanakan secara fleksibel dan mengambil pendekatan pengajaran secara terbuka berdasarkan kebolehcapaian pelajar tanpa mengetepikan soal kemenjadian pelajar itu sendiri. Amalan-amalan pemantauan sebelum ini diteruskan melalui pendekatan secara dalam talian dan hibrid seperti mesyuarat-mesyuarat, penilaian penilai luar, panel industri, audit dan sebagainya.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [1.4.1.1 ARAS PEMANTAUAN, FUNGSI UTAMA DAN MAKLUMBALAS PELANGGAN.pdf](#)
2. [1.4.1.2 Pelaksanaan PdP 2019 - 2020.pdf](#)
3. [1.4.1.3 TASK FORCE COVID 19 FSPU.pdf](#)
4. [1.4.1.4 PEMANTAUAN OPERASI PdP FSPU.pdf](#)

#### **1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Secara umumnya, risiko ialah sesuatu isu atau kejadian atau peristiwa yang wujud dan boleh memberi kesan kepada pencapaian visi, misi, objektif atau matlamat fakulti. Dalam konteks FSPU, risiko ialah kesan ketidaktentuan kepada pencapaian matlamat Pelan Strategik FSPU, kesan kepada kewangan, kesan terhadap operasi dan kesan kepada peraturan universiti (Bukti 1.4.2.1 Visi dan Misi FSPU).

Bagi mengurangkan risiko dalam bidang tumpuan pengajaran dan pembelajaran (PdP) di FSPU, jawatankuasa NOBLE diwujudkan bagi tujuan membuat keputusan, memperakarkan peraturan dan dasar yang berkaitan dengan bidang kuasa fakulti, membuat perincian tatacara atau prosedur pelaksanaan dan penyelarasan dan lain-lain terma rujukan khusus yang diamanahkan. Walau bagaimanapun, sebarang keputusan dari mana-mana jawatankuasa ini perlu ditentukan oleh Jawatankuasa Pengurusan Fakulti, yang berfungsi sebagai membuat dasar tertinggi di FSPU sebelum diterima pakai untuk pelaksanaan (Bukti 1.4.2.2 Dasar Fakulti).

Jawatankuasa Penyelaras Risiko FSPU diwujudkan bagi memastikan FSPU mempunyai rangka kerja pengurusan risiko yang komprehensif bagi mengenal pasti, memahami dan mengurus kepelbagaiannya risiko. Jawatankuasa ini juga berperanan bagi memberi pelaporan mengenai pelaksanaan pengurusan risiko di fakulti. Bagi membantu pihak pengurusan membuat keputusan ke atas sesuatu inisiatif yang bakal dilaksanakan, daftar risiko digunakan sebagai satu medium begitu meluas. Setiap laporan yang dihasilkan melalui daftar risiko mengandungi penilaian serta kawalan ke atas sesuatu risiko. Laporan Daftar Risiko tersebut dibentangkan di dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan yang dipengerusikan oleh Dekan FSPU (Bukti 1.4.2.3 Unit Pengurusan Risiko FSPU).

Krisis global akibat penularan wabak COVID-19 bukan sahaja memberi impak terhadap sektor ekonomi, malah sektor pengajian tinggi juga turut terkesan. Atas saranan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), semua universiti awam telah melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian sepenuhnya bagi suku pertama sesi 2020/2021. Pendekatan ini diambil bagi mengekang penularan COVID-19 sekaligus memastikan sesi pembelajaran dapat diteruskan tanpa perlu membuat sebarang penangguhan.

Pihak pengurusan fakulti lantas mengambil langkah yang proaktif bagi meneruskan kembali sesi PdP yang tergendala akibat penularan COVID-19. Peranan jawatankuasa NOBLE juga diyatkan. Fokus utama adalah untuk memantau sesi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan secara ODL. Ketua Pusat Pengajian memberikan maklumat terkini berkenaan sesi PdP ini terutamanya maklumat berkaitan dengan kekangan pelajar bagi mendapatkan akses internet di kampung halaman (Bukti 1.4.2.4 Laporan Penilaian ODL). Hasilnya, inisiatif bantuan kewangan pembelian data internet telah diwujudkan bagi membantu pelajar-pelajar FSPU dalam kalangan B40 sepanjang tempoh proses PdP dan peperiksaan Sesi Julai 2020 secara atas talian (Bukti 1.4.2.5 Peruntukan Data Internet).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [1.4.2.1 - VISI \\_ MISI FSPU\\_compressed.pdf](#)
2. [1.4.2.2 - DASAR FAKULTI.pdf](#)
3. [1.4.2.3 - UNIT PENGURUSAN RISIKO FSPU\\_compressed.pdf](#)

4. [1.4.2.4 - LAPORAN PENILAIAN ODL.pdf](#)
5. [1.4.2.5 - PERUNTUKAN DATA INTERNET.pdf](#)

### **1.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

FSPU sentiasa komited dan secara konsisten melihat peluang dan melakukan penambahbaikan berterusan bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Pihak pengurusan fakulti maklum bahawa persekitaran dalaman dan faktor luaran banyak mempengaruhi perjalanan serta pengurusan fakulti terutamanya yang berkaitan secara langsung dengan kurikulum dan program yang ditawarkan oleh fakulti (Bukti 1.4.3.1 Program di FSPU).

Proses mengkaji semula pencapaian PEO, PLO dan CLO amat penting bagi merangka strategi yang berkesan bagi tindakan penambahbaikan. Ianya perlu dilakukan selaras dengan matlamat pendidikan berdasarkan hasil (OBE) yang telah menjadi rujukan terkini dalam proses PdP. Proses pemantauan dan penilaian yang berterusan menjadi teras utama kejayaan sistem pendidikan berteraskan hasil (OBE) ini (Bukti 1.4.3.2 Proses OBE).

Kepimpinan kanan memastikan apabila hasil tidak tercapai, tindakan pembetulan dan pencegahan dilaksanakan. Manakala, peluang dilihat sebagai satu penambahbaikan bagi memantapkan lagi proses PdP supaya dapat meningkatkan prestasi dan keberkesanan PdP secara global.

Prosedur penambahbaikan fakulti adalah berdasarkan kepada input daripada aktiviti pemantauan yang dijalankan berkaitan dengan bidang tumpuan PdP. Selain daripada itu, penambahbaikan program adalah berdasarkan kepada perubahan semasa institusi dan pemegang taruh seperti keperluan pasaran semasa di industri. Penglibatan pemegang taruh dan pihak-pihak luar adalah penting dalam proses penambahbaikan ini. Sesi dialog bersama majikan, alumni dan pelajar diadakan bertujuan untuk penambahbaikan. Tindakan penambahbaikan dilaksanakan setelah mendapat laporan penilaian dan penyemakan semula kurikulum dilaksanakan (Bukti 1.4.3.3 Sesi Dialog Bersama Majikan).

Strategi penambahbaikan Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur adalah berdasarkan kepada amalan pensijilan ISO 9001:2015 secara berterusan yang selari kepada dasar jaminan kualiti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Penglibatan pemeriksa luar dan panel industri juga diambil kira. Maklumbalas daripada pemeriksa luar dan panel industri tetap dijalankan walaupun ketika negara dilanda wabak COVID-19. Lantikan pemeriksa luar dan panel industri yang tamat tempoh tetap terus diadakan bagi memastikan proses penambahbaikan ini tidak tergendala (Bukti 1.4.3.4 Laporan Pemeriksa Luar).

Bagi memastikan program yang ditawarkan kekal relevan seiring dengan arus perkembangan, penyemakan semula kurikulum program telah dijalankan. Sehingga kini, penyemakan semula kurikulum dilaksanakan secara berkala bagi jangkamasa 3 hingga 5 tahun. Sistem penyemakan ini dilaksanakan melalui beberapa aktiviti yang dijalankan seperti laporan pemeriksa luar, laporan panel industri, *Alumni survey* dan *Employer Survey* dinilai untuk keperluan program. Aktiviti-aktiviti ini penting bagi menjamin semakan kurikulum yang dijalankan adalah menepati keperluan yang telah digariskan dalam MQA dan juga badan-badan profesional (Bukti 1.4.3.5 Kaji Selidik dari Pihak Alumni).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [1.4.3.1 - PROGRAM DI FSPU.pdf](#)

2. [1.4.3.2 - PROSES OBE.pdf](#)
3. [1.4.3.3 - SESI DIALOG BERSAMA MAJIKAN.pdf](#)
4. [1.4.3.4 - LAPORAN PEMERIKSA LUAR.pdf](#)
5. [1.4.3.5 - KAJI SELIDIK DARI PIHAK ALUMNI\\_compressed.pdf](#)

## **1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Kepimpinan Kanan FSPU menekankan integrasi pemangkin ekosistem PdP bagi memantapkan inisiatif strategik bidang tumpuan sejajar dengan visi dan misi UiTM, halatuju sektor pendidikan tinggi negara dan seterusnya mendukung objektif kualiti fakulti. Sumber-sumber digerakkan secara integrasi untuk memenuhi spesifikasi kepuasan pelanggan, piawaian Badan Profesional dan akreditasi, dan piawaian agensi kelayakan Malaysia (MQA), COPPA dan COPIA (Bukti 1.5.1 Integrasi Strategik FSPU).

Sumber-sumber iaitu pencapaian PdP, maklumbalas pemegang taruh (pelajar, pensyarah, majikan dan alumni, pemeriksa luar, badan Profesional dan akreditasi, audit, dan sebagainya) serta maklumat pengurusan risiko dikumpul oleh pusat-pusat pengajian dan unit-unit seperti unit HEA, HEP, Perancangan Strategik, Kualiti, Pengurusan Risiko dan lain-lain unit sokongan (Bukti 1.5.2 Pemegang Taruh FSPU). Maklumat dianalisis dan dinilai bagi mendapatkan output yang menjadi perhatian. Data kuantitatif ini dibincangkan secara *bottom-up*, terlebih dahulu di peringkat pusat pengajian atau unit sebelum diperhalusi untuk keputusan tindakan strategik di Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) yang dipengerusikan oleh Dekan. Keputusan mengambilkira sumber-sumber FSPU iaitu manusia, kewangan, pembangunan fizikal dan ICT (data dan komunikasi).

Unit Perancangan Strategik memantau pemilik-pemilik indikasi (peringkat fakulti) supaya setiap pusat pengajian dan unit membuat perancangan dan tindakan (Bukti 1.5.3 Unit Perancangan Strategik FSPU). Integrasi bersama Manual Kualiti FSPU dipatuhi kerana manual ini merupakan rujukan tindakan pelaksanaan perkhidmatan PdP bagi program akademik di FSPU agar memenuhi keperluan piawaian ISO 9001:2015. Manual Kualiti ini disokong oleh 11 prosedur kualiti pengurusan, satu Panduan Pengurusan Risiko dan 62 prosedur proses utama pengoperasian berkaitan dengan fungsi utama FSPU termasuklah PdP (Bukti 1.5.4 Manual Kualiti FSPU).

Pada tahun 2020, susulan pandemik COVID-19, fakulti mengambil inisiatif tambahan bagi memastikan pemangkin ekosistem PdP FSPU yang kritikal seperti kewangan, tadbir urus, pembelajaran dalam talian, penyampaian maklumat dan sebagainya diberi keutamaan dan diuruskan secara lebih strategik supaya pemangkin ini dapat dikawal. Trend Pendidikan global, Pendidikan digital era IR4.0 dan Education 5.0 menjadi sandaran tindakan inisiatif strategik (Bukti 1.5.5 Teknologi Pemangkin PdP). Sumber-sumber diurus secara atas talian dan data-data disimpan secara digital bagi memastikan kelangsungan proses. Berdasarkan Pekeliling Naib Canselor dan Pekeliling Timbalan Akademik dan Pengantarabangsaan, FSPU mengerakkan usaha supaya proses utama PdP tidak terjejas.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [1.5.1 Integrasi Strategik FSPU.pdf](#)
2. [1.5.2 Pemegang Taruh FSPU.pdf](#)
3. [1.5.3 Unit Perancangan Strategik FSPU.pdf](#)
4. [1.5.4 Manual Kualiti FSPU\\_compressed.pdf](#)
5. [1.5.5 Teknologi Pemangkin PdP.pdf](#)

## **KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK**

### **2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

#### **Perancangan**

Berpaksikan objektif kualiti FSPU di mana agenda utamanya menghasilkan graduan yang berkualiti, perancangan teliti berkaitan PdP telah diadun untuk mencapai hasrat tersebut. Justeru dalam usaha melahirkan graduan bumiputera yang berkualiti, beretika, berdaya saing selain memenuhi keperluan pelanggan dan pasaran semasa, pelbagai program telah dirancang bagi menjayakan misi utama. Dalam usaha memacu kecemerlangan dalam bidang PdP, FSPU telah mengambil pendekatan drastik dengan memberikan penekanan khas kepada pensyarah dan para pelajarnya, menerusi beberapa perancangan yang menyeluruh dengan penglibatan pelbagai pihak yang berkaitan, pemantauan yang berkala ke atas kebolehupayaan pensyarah serta pencapaian semasa para pelajarnya. Malah beberapa tindakan penambahbaikan telah dijalankan oleh FSPU bagi memastikan aktiviti perancangan strategik yang kurang berkesan selama ini dapat dipacu ke arah tindakan yang dinamik dan berdaya maju.

Hal ini selaras dengan situasi semasa sesi pengajian universiti yang mula dilanda pandemik COVID-19 yang sedikit sebanyak menjelaskan pencapaian yang telah disasarkan oleh FSPU. Pandemik yang melanda sekitar awal tahun 2020, secara tidak langsung telah menjelaskan keberlangsungan sistem pengajian semasa yang merupakan tunggak kepada pembangunan akademik pelajar dan universiti. Justeru banyak perancangan dalam bidang PdP yang telah dirancang pada tahun 2019 terpaksa diubah suai kaedah pelaksanaannya dalam mendepani cabaran pandemik. Bidang pengajaran dan pembelajaran di FSPU yang lazimnya dilaksanakan secara bersemuka telah mula bertukar secara maya bermula pada April 2020. Justeru FSPU telah mula mengorak langkah baru dengan menekankan pembelajaran secara ODL sepetimana yang disarankan oleh universiti dan keperluan semasa dunia pendidikan. Memandangkan bidang PdP dilaksanakan sepenuhnya secara ODL, FSPU komited dengan merangka pelbagai program dan inisiatif strategik bagi memastikan misi utama kualiti PdP di FSPU tetap dicapai walaupun berlangsung secara maya.

#### **Pelaksanaan**

Pelaksanaan strategik ke arah memartabatkan bidang PdP di FSPU dimulakan diperingkat tertinggi dahulu iaitu pengurusan kanan fakulti yang terdiri daripada dekan, timbalan-timbalan dekan, semua ketua pusat pengajian serta semua ketua unit diperingkat fakulti. Beberapa bengkel strategik telah diadakan bagi merangka Pelan Tindakan Strategik yang lebih berkesan dalam usaha memantapkan kemajuan dalam bidang PdP di FSPU. Menerusi bengkel ini beberapa inisiatif yang berkaitan pembelajaran telah diangkat sebagai agenda dengan menekankan bersama pihak perlaksana yang bakal menggembung usaha bersama.

Penekanan 30% secara Blended Learning dari keseluruhan kursus di FSPU sebelum pandemik mula diperluaskan untuk semua kursus yang ada menerusi pembelajaran secara ODL.

#### **Pemantauan**

Proses pemantauan strategik bagi sepuluh (10) pusat pengajian yang ada di FSPU, dilakukan menerusi pemantauan Perfomance Indicator (PI) yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti. PI yang berkaitan dengan PdP melibatkan program dan kurikulum, pemantauan kepelbagaian mod pengajian dan pemantauan terhadap e-pembelajaran dengan penggunaan aplikasi MOOC. Kekerapan pemantauan membantu meningkatkan proses PdP dan perancangan strategik FSPU agar lebih sistematik dan efisien.

#### **Tindakan penambahbaikan**

Hasil pemantauan berterusan oleh pengurusan fakulti telah dianalisis dan pelaksanaannya telah ditambahbaik dari masa ke semasa bagi menjamin kualiti pendidikan. Menerusi MKSP (Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan) yang diadakan pada setiap hujung tahun (Disember), segala status pencapaian petunjuk prestasi dan perjalanan Projek Tindakan Strategik FSPU diteliti semula bagi melihat sejauh mana keberkesanannya perancangan yang dibuat dapat dilaksanakan dalam tempoh yang dirancang. Sejajar dengan itu, sebarang usul akan

dibahaskan bagi mencari jalan terbaik ke atas isu yang dibangkitkan. Justeru, daripada isu yang dibahaskan kemudiannya di analisa untuk menghasilkan perancangan strategik FSPU.

## **2.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Dalam memastikan agenda strategik berjalan seiring dengan misi dan objektif pendidikan, beberapa pendekatan telah diambil oleh FSPU sebagai usaha mencapai mutu PdP yang berkualiti. Penumpuan ke atas bidang ini telah mendorong FSPU memberikan penekanan khusus ke atas pelajar selain staf akademik dan staf sokongan yang merupakan nadi penggerak kepada perjalanan proses pembelajaran yang cemerlang.

Berlandaskan Perancangan Strategik FSPU bagi 2016- 2020, FSPU terus komited melaksanakan kaedah yang terbaik ke atas aktiviti PdP, walaupun dilanda pandemik COVID-19 sekitar Mac 2020. Umumnya pelaksanaan ODL yang menjadi kewajiban dalam dunia pendidikan, pihak pengurusan FSPU telah berusaha sedaya upaya bagi memastikan agenda ODL menyumbang kepada pembelajaran yang berkualiti selain memastikan para pelajar tetap bersemangat dalam pengajian masing-masing walaupun terpaksa berhadapan pelbagai kekangan ekoran Perintah Kawalan Pergerakan yang berkuatkuasa pada 18 Mac 2020 yang secara langsung telah merencatkan perjalanan aktiviti pembelajaran semasa.

Justeru pengurusan FSPU telah mengambil pelbagai inisiatif dalam usaha mewujudkan semangat kerjasama, tolong-menolong disamping berkongsi ilmu dan kepakaran bagi memastikan setiap pensyarah mempunyai keupayaan maksima dalam melaksanakan ODL dalam suasana pandemik. Galakan dalam bidang PdP ini telah disuburkan dengan dua anugerah kecemerlangan. Antaranya Anugerah Majlis Kecemerlangan Fakulti (MAKEF), perancangan garis panduan dibuat bagi pelaksanaan MAKEF 2020 FSPU. (Bukti 2.2.1 Garis Panduan MAKEF 2020) dan Anugerah Dekan (Bukti 2.2.2 Minit Mesyuarat Peperiksaan September 2020) yang mampu mencetus semangat para pensyarah dan pelajar untuk terus berusaha melaksanakan tugas semaksima yang mungkin. Selain itu penganugerahan bintang pencapaian keatas pusat pengajian turut dilaksanakan bagi mengiktiraf prestasi pelajar pusat pengajian masing-masing menerusi beberapa kategori pencapaian iaitu i) kadar kegagalan < 25%, ii) Graduan dalam tempoh > 95%, iii) Anugerah Dekan > 15% dan iv) Anugerah Naib Canselor >3% (Bukti 2.2.3 Minit Mesyuarat Peperiksaan Julai 2019).

Agenda strategik meletakkan FSPU dimata dunia juga tetap diteruskan dengan menggalakkan pembabitan pelajar dalam pelbagai pertandingan dan seminar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Pembelajaran secara berterusan terus dimartabatkan dengan usaha mengenalpasti para pelajar yang berpotensi untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi menerusi Program *Fast Track* iaitu pengajian PhD dari calon Ijazah Sarjana Muda.

Aktiviti PdP yang terpaksa bertukar konsep secara maya telah membuatkan kaedah pembelajaran yang berlangsung sebelum ini bertukar sama sekali. Pengurusan fakulti telah membuat semakan dan perubahan ke atas sistem AIMS serta pembangunan CAP (*Course Assessment Plan*) yang baru bagi semua kursus yang terdapat dalam program yang ditawarkan. Agenda ini berlangsung dalam skala besar-besaran dengan penglibatan semua pensyarah yang mengajar bagi memastikan segala bahan dan kaedah pengajaran menepati keperluan pelajar serta menjamin kualiti pengajian setanding dengan kaedah pembelajaran secara manual. Kaedah penilaian akhir yang lebih kreatif dan inovatif mula diperkenalkan bagi memastikan segala kandungan silibus benar-benar didalami pelajar FSPU tidak kira dalam bidang *design* ataupun *non-design* (Bukti 2.2.4 Laporan Pemeriksa Luar bagi Program AP225).

Perlantikan penilai luar turut diteruskan bagi memastikan mutu pengajaran berterusan hasil dari

proses seridikan dan aman yang berlangsung ke atas aktiviti perniagaan dan perniagaan yang berjalan secara ODL. Selain itu Ketua Pusat Pengajian yang bertanggungjawab memastikan perjalanan ODL, telah berjaya mengambil langkah bijak dalam memantau perjalanan ODL dan membuat laporan berkala ke atas perjalanan ODL kepada Timbalan Dekan Akademik. Selain itu FSPU juga komited menyediakan insfrastruktur yang lebih baik kepada warganya khususnya dalam membantu melancarkan perjalanan ODL.

**SENARAI BUKTI:**

1. [BUKTI 2.2.1 Garis Panduan Pelaksanaan MAKEF 2020 FSPU.pdf](#)
2. [Bukti 2.2.2 Minit Mesyuarat Peperiksaan Akhir 2 & Sep 2020.pdf](#)
3. [Bukti 2.2.3 Minit Mesyuarat Peperiksaan Akhir 24 & 25 Julai 2019.pdf](#)
4. [Bukti 2.2.4 Laporan Pemeriksa Luar.pdf](#)
- 5.

### **2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Pelan Tindakan Strategik FSPU telah dibangunkan dengan mantap hasil gandingan kerjasama antara Unit Kualiti Fakulti dan Unit Perancangan Strategik Fakulti. Justeru dalam usaha memastikan sistem Pengajaran dan Pembelajaran berjalan dengan jayanya, FSPU komited memperluaskan pelbagai inisiatif strategik ke arah pemantapan imej dan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan. Bersandarkan Rancangan Malaysia Ke-11 UiTM (2016-2020), FSPU telah mencaturkan sebaik mungkin strategi ke arah kecemerlangan pensyarah dan para pelajarnya. Perluasan aktiviti strategik Fakulti yang telah digarapkan dalam Rancangan Strategik FSPU 2016-2020 (Bukti 2.3.1 Rancangan Strategik FSPU 2016-2020) dan Pelan Tindakan Strategik FSPU 2020 – 2025 telah melibatkan beberapa aktiviti.

Strategi pertama, ialah untuk meletakkan UiTM di peta dunia dengan memperkasakan Unit Koprat Fakulti yang bertanggungjawab membina imej dan jenama FSPU selain menyerlahkan segala kejayaan para pensyarah dan pelajar di layar maya serta mewar-warkan keberadaan program yang ditawarkan oleh fakulti. Selain itu, unit ini ditugaskan untuk menerbit “newsletter” yang membantu melonjakkan keberadaan FSPU sebagai fakulti yang cemerlang. Selain itu Program VAME (Visibility and Media Engagement) telah dimuktamadkan sebagai program strategik fakulti yang terdiri dari empat (4) projek strategik bersama (Bukti 2.3.2 Projek Tindakan Strategik (VAME)).

Strategi kedua ialah graduan holistik bercirikan keusahawanan dan seimbang. Justeru penekanan aspek keusahawanan dalam kalangan pensyarah dan pelajar terus digiatkan dengan mengusulkan program strategik fakulti (FSPU\_ Entrepreneurship) yang terdiri daripada projek FSPU market, Mobile Retail Kiosk dan FSPU Social Entrepreneurship (Bukti 2.3.3 Projek Tindakan Strategik (FSPU\_ Entrepreneurship)).

Strategi ketiga ialah transformasi penyampaian universiti. Transformasi universiti dalam menggalakkan peningkatan prestasi dalam kalangan pensyarah telah disahut baik oleh FSPU dengan memperkenalkan beberapa jenis anugerah kecemerlangan selain anugerah yang dianjurkan oleh pihak universiti. Antaranya ialah MAKEF (Majlis Kecemerlangan Fakulti) (Bukti 2.3.4 Carta Alir Pelaksanaan dan Penilaian MAKEF) yang komprehensif dan sistematik untuk menilai kompetensi staf FSPU. Selain itu, para pensyarah juga turut terlibat di dalam program cross-fertilization bagi meningkatkan kepakaran dan ilmu staf akademik dalam bidang masing-masing (Bukti 2.3.5 Minit Mesyuarat Pengurusan Kali Ke-36). Program ini telah berjaya meningkatkan mutu pengajaran dalam kalangan para pensyarah dalam menyampaikan ilmu yang diperlukan dalam industri dan tidak hanya berlandaskan teori semata-mata. Pada masa yang sama, para pensyarah juga disediakan pelbagai bengkel dalam usaha memberi pendedahan ke atas kaedah pengajaran yang terbaik dan efektif. Terdapat juga bengkel perkongsian ilmu sesama pensyarah bagi memberi pendedahan terhadap amalan terbaik dalam sistem PdP. Aktiviti turut melibatkan pengiktirafan bintang kepada pencapaian setiap pusat pengajian turut diminitkan dalam pelaporan bagi menggalakkan setiap pusat pengajian berusaha mencapai petunjuk prestasi yang telah ditetapkan.

Selain itu, setiap pusat pengajian juga digalakkan mendapat pengiktirafan daripada badan-badan profesional seperti Lembaga Arkitek Malaysia, Royal Institute of British Architect (RIBA) dan Royal Institution of Chartered Surveyors (RICS) dalam usaha memberi ruang pasaran kerja yang tinggi ke atas lepasan graduan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [Bukti 2.3.1 Rancangan Strategik FSPU 2016-2020.pdf](#)
2. [Bukti 2.3.2 Projek Tindakan Strategik \(VAME\).pdf](#)
3. [Bukti 2.3.3 Projek Tindakan Strategik \(FSPU\\_ Entrepreneurship\).pdf](#)

4. [BUKTI 2.3.4 Carta Alir Perlaksanaan & Penilaian.pdf](#)
5. [2.3.5 Minit Mesyuarat Pengurusan Kali Ke-36.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

FSPU telah berusaha memastikan objektif dan inisiatif strategik terlaksana dengan berkesan. Justeru, pelan pemantauan strategik yang sistematik telah digerakkan melalui pelbagai program pemantapan kurikulum, pemantapan kepelbagaian mod pengajian dan pemantapan terhadap e-pembelajaran dengan penggunaan aplikasi MOOC.

Pemantauan strategik di dalam bidang PdP di bawah program FSPU dilaksanakan dengan memantau graduan tamat dalam tempoh yang ditetapkan dengan mengukuhkan proses PdP serta meningkatkan kualiti staf akademik. Kaedah termasuklah melalui penyediaan kurikulum yang dinamik dan terkini. Pengukuran KPI ialah peratusan siswazah yang telah mendapat pekerjaan dan telah bekerja sendiri semasa konvokesyen (Bukti 2.4.1.1 Laporan dan Perancangan Strategik 2019). Bilangan Alumni FSPU dipantau dan direkodkan (Bukti 2.4.1.2 Peningkatan Imej dan Reputasi Universiti).

Selain itu, pemantauan akses pelajar Bumiputera dengan meningkatkan kepelbagaian mod pengajian dengan penawaran program pelbagai bidang dan mod seperti e-pjj dan PLK. Pengukuran KPI ialah Indeks Pendidikan Tinggi Berkualiti (i-UiTm, kadar kecinciran pelajar, peratus pelajar bergraduat dalam tempoh, jumlah enrolmen pelajar sepanjang masa dan jumlah pelajar separuh masa) (Bukti 2.4.1.3 Laporan dan Perancangan Strategik 2020).

Pemantauan terhadap Innovative Flexible Learning dengan penggunaan aplikasi MOOC. Strategi pemantauan terhadap aktiviti e-Pembelajaran. Pengukuran KPI ialah bilangan kursus dalam blended learning, bilangan kursus dalam MOOC, dan juga bilangan staf yang menghadiri latihan e-pembelajaran (Bukti 2.4.1.4 Laporan Peningkatan Sasaran Penunjuk Prestasi 2019).

Menerusi pemantauan strategik, sistem PdP di FSPU telah melalui satu proses pemantauan terancang dan efisien bagi menjamin keberkesanan PdP secara ODL (Bukti 2.4.1.5 Ringkasan Penemuan Audit Dalam 2020). Pemantauan dilaksanakan dengan melibatkan penguatkuasaan dimuktamadkan di peringkat pengurusan dan pemakluman diturunkan kepada semua Ketua Pusat Pengajian (KPP) dan seterusnya kepada semua pensyarah di bawah seliaan masing-masing dalam usaha meningkatkan kualiti PdP. Melalui pemantauan yang telah dilakukan oleh FSPU, projek ini mampu menghasilkan graduan yang holistik, bercirikan keusahawanan, seimbang dan mempunyai kecemerlangan bakat. Keseluruhan program di bawah FSPU mampu dikenali di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [Bukti 2.4.1.1 Laporan dan Perancangan Strategik 2019.pdf](#)
2. [Bukti 2.4.1.2 Peningkatan Imej dan Reputasi Universiti.pdf](#)
3. [Bukti 2.4.1.3 Laporan dan Perancangan Strategik 2020.pdf](#)
4. [Bukti 2.4.1.4 Laporan Peningkatan Sasaran Penunjuk Prestasi 2019.pdf](#)
5. [Bukti 2.4.1.5 Ringkasan Penemuan Audit Dalam 2020.pdf](#)

## **2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

FSPU telah mengenal pasti risiko yang menjadi halangan kepada pencapaian objektif strategik di FSPU. Justeru, pelan tindakan telah dirangka untuk mengatasi risiko yang telah dikenal pasti berserta dengan tindakan pelaksanaan dalam menanganinya.

Objektif strategik yang tidak tercapai ialah memastikan sekurang-kurangnya 90% pelajar sepenuh masa pada peringkat Sarjana Muda bergraduat dalam tempoh yang ditetapkan (GOT). Analisa mendapati, FSPU hanya berjaya mencapai 85% pelajar GOT pada tahun 2020, atas faktor kredit unit yang ditawarkan oleh sesetengah pusat pengajian adalah agak tinggi (Bukti 2.4.2.1 Pencapaian Objektif Kualiti GOT). Dilaporkan terdapat beberapa pusat pengajian tidak mencapai matlamat 90% GOT termasuklah, AP221 Program Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah (Kepujian) dengan pencapaian 79.63% (Bukti 2.4.2.2 AP221 GOT Mesyuarat JAF 2020), AP229 Program Sarjana Muda Ukur Bangunan dengan pencapaian 89.74% (Bukti 2.4.2.3 AP229 GOT Mesyuarat JAF 2020), AP230 Program Sarjana Muda Pengurusan Taman & Ameniti (Kepujian) dengan pencapaian 87.5%, AP243 Program Sarjana Muda (Kepujian) Senibina dengan pencapaian 79.52%, AP246 Program Sarjana Muda Sains (Kepujian) Pengurusan Pembinaan dengan pencapaian 79.41%, AP247 Program Sarjana Muda Senibina Dalaman (Kepujian) dengan pencapaian 74.29% dan AP248 Program Sarjana Muda Senibina Landskap dengan pencapaian 79.01% (Bukti 2.4.2.4 AP248 GOT Mesyuarat JAF 2020).

Memandangkan tujuh (7) pusat pengajian telah berhadapan dengan risiko tidak mencapai 85% pelajar GOT, maka dua (2) pusat pengajian yang sedang dalam proses perancangan Semakan Kurikulum dan menyediakan Silibus Baru, melaksanakan inisiatif lebih awal agar risiko dapat diselesaikan dan pada masa yang sama risiko yang berlaku di pusat pengajian lain tidak akan berlaku di pusat pengajian mereka pula. Pertamanya ialah inisiatif Semakan Kurikulum yang dijalankan oleh pusat pengajian AP246 Program Sarjana Muda Sains (Kepujian) Pengurusan Pembinaan yang mengurangkan jumlah kredit dari 134 kepada 121 kredit sahaja agar tidak membebankan pelajar. Pengurangan sebanyak 13 kredit ini dilihat dapat memberikan impak besar dalam mempengaruhi kadar GOT pelajar di masa akan datang. Keduanya ialah inisiatif Silibus Baru yang dilaksanakan oleh AP220 Program Sarjana Muda Sains Ukur dan Geomatik (Kepujian) yang mengurangkan jumlah kredit asal kepada 121 kredit dan kadar pengurangan kredit ini melibatkan *Study Learning Time* (SLT) pelajar. Manakala, risiko terhadap penggunaan aplikasi MOOC termasuklah gangguan capaian internet yang lemah dan sistem yang tidak stabil.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [Bukti 2.4.2.1-Pencapaian Objektif Kualiti GOT.pdf](#)
2. [Bukti 2.4.2.2-AP221 GOT Mesyuarat JAF 2020 .pdf](#)
3. [Bukti 2.4.2.3-AP229 GOT Mesyuarat JAF 2020 .pdf](#)
4. [Bukti 2.4.2.4-AP248 GOT Mesyuarat JAF 2020 .pdf](#)
- 5.

## **2.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Menerusi MKSP (Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan) yang diadakan pada setiap hujung tahun (Disember), segala status pencapaian petunjuk prestasi dan perjalanan Projek Tindakan Strategik FSPU diteliti semula bagi melihat sejauh mana keberkesanannya perancangan yang dibuat dapat dilaksanakan dalam tempoh yang dirancang. Sejajar dengan itu, sebarang usul akan dibahaskan bagi mencari jalan terbaik ke atas isu yang dibangkitkan. Justeru, daripada isu yang dibahaskan kemudiannya di analisa untuk menghasilkan perancangan strategik FSPU.

Isu pertama yang telah dikaji semula iaitu kadar 90% pelajar sepenuh masa pada peringkat Sarjana Muda bergraduat dalam tempoh yang ditetapkan (GOT) dimana FSPU hanya berjaya mencapai 85% pada tahun 2020. Justeru, inisiatif pertama yang dilakukan oleh Dekan ialah menetapkan keputusan dalam MKSP (bertarikh 30 Disember 2020) dengan menukar sasaran GOT dari 90% diturunkan kepada 80%. Inisiatif Dekan yang kedua ialah penganugerahan bintang pencapaian ke atas pusat pengajian dalam usaha mengiktiraf pencapaian pelajar, termasuklah turut melihat kadar GOT di kalangan pelajar, selain melihat prestasi keseluruhan pusat pengajian (Bukti 2.4.3.1 AP230 GOT Mesyuarat JAF 2020). Setiap pusat pengajian disasar untuk mencapai keseluruhan enam (6) bintang berdasarkan KPI universiti yang telah ditetapkan.

Isu kedua yang telah dikaji semula iaitu bilangan pelajar yang mendaftar dalam kursus *Massive Open Online Course* (MOOC) yang menjadi *Performance Indicator* (PI) dalam Perancangan Strategik FSPU dan didapati masih belum tercapai sehingga 29 Disember 2020. Berdasarkan jumlah sasaran yang ditetapkan dalam PI adalah 4,200 pendaftaran namun jumlah sebenar yang diperoleh hanyalah 3,932 pendaftaran iaitu 93.62% sahaja (Bukti 2.4.3.2 Petikan Minit MKSP Pelan Perancangan Strategik 2020 – MOOC). Ini menunjukkan PI berdasarkan kursus MOOC masih belum tercapai di FSPU. Justeru, inisiatif yang dilakukan oleh Dekan untuk mengatasi masalah berbangkit tersebut ialah menerusi agenda V *isibility and Media* (Bukti 2.4.3.3 Buku 5 Dekat FSPU) yang boleh dicapai melalui *Program Roadshow, Promotion & Sharing Session* dan *Engagement Program* (Bukti 2.4.3.4 Petikan Minit MKSP Pelan Perancangan Strategik 2020 – Tindakan Penambahbaikan).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [Bukti 2.4.3.1-AP230 GOT Mesyuarat JAF 2020 .pdf](#)
2. [Bukti 2.4.3.2 - Petikan Minit MKSP Pelan Perancangan Strategik 2020 – MOOC.pdf](#)
3. [Bukti 2.4.3.3 - Buku 5 Dekat FSPU .pdf](#)
4. [Bukti 2.4.3.4 - Petikan Minit MKSP Pelan Perancangan Strategik 2020 – Tindakan Penambahbaikan .pdf](#)
- 5.

## **2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Agenda PdP FSPU telah dimantapkan lagi menerusi integrasi yang kuat dalam kalangan pasukan Kepimpinan Kanan Fakulti. Pihak pengurusan FSPU yang diketuai oleh Dekan dan semua Timbalan Dekan sentiasa mencari peluang untuk mewujudkan kerjasama dengan organisasi luar dalam memperluaskan dan memantapkan pengetahuan dan kemahiran pelajar dan pensyarah dalam PdP ODL melalui latihan dan bengkel konsultansi, penglibatan latihan MOOC dan Mod Blended Learning serta kursus keusahawanan. Usaha ini meningkatkan kompetensi bagi mencapai objektif dan inisiatif perancangan strategik FSPU (Bukti 2.5.1 PI Achievement Report 2019/2020).

Integrasi turut berlangsung menerusi kelestarian kepimpinan kanan FSPU bersama dengan semua professor, ketua unit dan koordinator di FSPU menerusi mesyuarat yang dibuat secara berkala. Ini melibatkan 4 jenis mesyuarat termasuklah Mesyuarat Pengurusan Fakulti, Mesyuarat Pusat-Pusat Pengajian, Mesyuarat Pusat Pengajian Pascasiswa FSPU dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP). Agenda Mesyuarat Pengurusan Fakulti (terdiri Ketua Pusat Pengajian, Koordinator Fakulti dan Profesor) (Bukti 2.5.2 Agenda Mesyuarat Pengurusan Fakulti) yang bersidang adalah membincangkan Laporan Pencapaian KPI Fakulti bagi setiap tiga bulan kepada Pengurusan Fakulti. Pencapaian semasa dibentangkan oleh Penyelaras Strategik Transformasi Universiti (PSTU) untuk perbincangan penambahbaikan.

Manakala, agenda Mesyuarat Pusat-Pusat Pengajian menyentuh tentang Laporan pencapaian semasa KPI oleh setiap pusat pengajian (Bukti 2.5.3 Agenda Mesyuarat Pusat Pengajian) bagi mengenalpasti strategi pencapaian sasaran seterusnya. Pada peringkat ini pembentangan dibuat oleh AJK Unit Strategik setiap pusat pengajian dan dibincangkan bersama bagi penambahbaikan serta membincangkan permasalahan dan pencapaian KPI pusat pengajian. Pembentangan dilakukan oleh Ketua Pusat Pengajian bersama bagi penambahbaikan. Akhir sekali ialah Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP), (Bukti 2.5.4 MKSP 2020\_Laporan Perancangan Strategik) di mana agendanya melibatkan Laporan Pencapaian Keseluruhan Agenda Strategik Fakulti daripada aspek petunjuk sasaran dan Projek Tindakan Strategik Fakulti. Pada peringkat ini agenda dibentangkan oleh PSTU fakulti sebagai pemerhatian khusus ke atas petunjuk prestasi yang gagal dicapai selain mencari inisiatif kebolehcapaian pada masa hadapan.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [Bukti 2.5.1 PI Achievement Report 2019\\_2020\\_FSPU.pdf](#)
2. [Bukti 2.5.2 Agenda Mesyuarat Pengurusan Fakulti.pdf](#)
3. [Bukti 2.5.3 Agenda Mesyuarat Pusat Pengajian.pdf](#)
4. [Bukti 2.3.4 MKSP 2020\\_Laporan Perancangan Strategik.pdf](#)

## **KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN**

### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

#### **Perancangan**

FSPU telah pun merancang beberapa strategi untuk memastikan pelanggan utama dalam PdP berada dalam keadaan yang terbaik. Ini termasuklah dengan beberapa tindakan serta merta bagi memastikan sistem PdP dapat dilaksanakan dengan baik sewaktu awal pandemik COVID-19 berlaku. Secara amnya perancangan strategi akan dibincangkan sama ada di Mesyuarat MKSP, Mesyuarat Pengurusan, JKAPS, Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF) ataupun mesyuarat lain antara pengurusan tertinggi, staf akademik dan di peringkat pusat pengajian sendiri. Pendekatan yang sesuai mengikut keadaan semasa telah pun diambil bagi memastikan tiada gangguan terhadap sistem penyampaian PdP walaupun sewaktu Perintah Pergerakan dan Kawalan negara yang bermula pada 18hb Mac 2020. Ini termasuklah dengan penglibatan pelajar yang sedang menjalani Latihan Industri berpandukan kepada Pekeliling yang dikeluarkan samada oleh pihak UiTM, KPT dan MKN selaras dengan garispanduan tambahan yang dikeluarkan oleh Badan Profesional yang terlibat.

#### **Pelaksanaan**

Sejak dengan prinsip *Generations of Professional Excellence* yang menjadi petunjuk prestasi FSPU dalam PdP, pelaksanaan program yang dirancang telahpun dilaksanakan dengan jayanya meskipun sewaktu pandemik COVID-19. Proses PdP pada 2020 yang berlangsung secara maya, membabitkan pelajar dan ahli akademik telah berjalan dengan lancar sama seperti pada tahun sebelumnya (2019). Walaupun pada mulanya terdapat kekangan pada kedua-dua belah pihak, namun dengan perancangan yang teliti dan hasil dari perbincangan tiga hala antara pihak pengurusan tertinggi, pelajar dan staf akademik, masalah tersebut dapat diatasi dengan cemerlang. Beberapa aktiviti yang membabitkan pelajar tetap dapat dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan yang seiring dengan norma baharu. Jika dibandingkan dengan 2019, dimana pelaksanaan secara bersempena antara dua pelanggan utama iaitu pelajar dan staf akademik telah pun membawaikan beberapa kejayaan yang cemerlang. Norma baharu juga tidak membataskan penglibatan pelajar dalam memastikan kecemerlangan tersebut diteruskan. Penggunaan medium terkini seperti *Google Meet*, *Webex*, *Whatsapp* dan lain-lain telah menjadi pilihan kedua-dua pihak bagi memastikan aktiviti PdP dijalankan dengan jayanya.

#### **Pemantauan**

Pihak pengurusan tertinggi FSPU sentiasa cakna dengan permasalahan yang dihadapi oleh pelajar tanpa mengira masa. Lebih-lebih lagi sewaktu pembelajaran dalam keadaan norma baru dijalankan. Beberapa tinjauan tentang permasalahan pelajar bagi menghadapi kaedah pembelajaran secara norma baru telahpun dilakukan dengan kerjasama pihak Persatuan pelajar dan juga Majlis Perwakilan Pelajar. Pihak Hal Ehwal Pelajar juga sangat aktif memantau semua pelajar yang menghadapi masalah samada berkaitan dengan pembelajaran atau pun dalam kehidupan semasa sepanjang norma baru ini. Beberapa siri pemantauan yang melibatkan staf akademik juga tetap diteruskan sama seperti sebelum norma baru. Ini termasuklah dengan pelaksanaan Audit Dalam, PROPENS dan sebagainya. Pihak Hal Ehwal akademik juga telah melaksanakan pemantauan dengan mewajibkan semua pusat pengajian membuat laporan ODL sepanjang perlaksanaan pembelajaran secara maya untuk tahun 2020. Penubuhan Jawatankuasa Task Force COVID-19 FSPU telah dibentuk bagi memantau permasalahan yang berlaku sepanjang pandemik.

## **Tindakan Penambahbaikan**

Hasil dari tinjauan pada pelajar, FSPU telah pun mengambil beberapa inisiatif melalui beberapa bantuan mengikut permasalah pelajar. Pelajar yang telah dikenalpasti telahpun diberikan bantuan yang sewajarnya samada dalam bentuk pemberian data internet dan juga bantuan komputer riba bagi pelajar yang benar-benar bermasalah. Pihak Hal Ehwal Akademik turut meminta tenaga pengajar agar memberikan sedikit kelonggaran kepada pelajar sewaktu sesi pembelajaran dijalankan bagi meringankan beban pelajar. Beberapa kumpulan pelajar yang telah dikenalpasti juga telah di benarkan pulang ke kampus bagi mengikuti pembelajaran secara bersemukuan dengan mengikuti SOP yang telah ditetapkan mengikut jangkamasa yang terhad. Hasil penemuan dari audit dalam juga telah dibentangkan dan tindakan pembetulan telahpun diambil oleh pihak yang terbabit.

### **3.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Kumpulan sasaran bagi bidang tumpuan terbahagi kepada pelanggan dalaman terdiri daripada pelajar dan pensyarah manakala pelanggan luaran merupakan ibubapa, badan profesional, industri, dan komuniti profesional. Penentuan keperluan pelanggan adalah amat penting bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan yang telah ditawarkan sealiran dengan visi, misi dan dasar FSPU yang digariskan oleh pihak kepimpinan tertinggi. Keperluan setiap pelanggan dikenalpasti berdasarkan kepada maklumbalas dan aduan yang diterima ataupun berdasarkan polisi serta ketetapan yang dibuat oleh pihak universiti. Usaha mengenalpasti keperluan dan kepuasan pelanggan ini dibuat dan dianalisa dari masa kesemasa. Pelbagai instrument maklumbalas telah diadakan sehingga kini untuk memperolehi maklumat keperluan pelanggan (Bukti 3.2.1 Kaedah Penentuan Keperluan Pelanggan FSPU Pelanggan). Bilangan pelajar FSPU bagi kampus Shah Alam dan Puncak Alam bagi tahun 2020 adalah seramai 2200 orang dan 1863 orang bagi 2019 (Bukti 3.2.2 Bilangan Pelajar FSPU Mengikut Tahun Dan Kampus Shah Alam dan Puncak Alam, 2019-2020). Data untuk enrolmen pelajar bagi sessi 1 2020/2021 boleh juga dirujuk ke (Bukti 3.2.3 Enrolmen Pelajar FSPU Sesi I 2020/2021).

Bagi menjayakan misi perkhidmatan pelanggan, kepimpinan tertinggi FSPU telah mempraktik kepimpinan **berorientasikan customer-value/service**. Pengurusan kanan FSPU diketuai oleh Dekan dan dibantu oleh Timbalan Dekan Akademik (TDA), Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar (TDHEP), Timbalan Dekan Penyelidikan, Inovasi dan Jaringan Industri (TDPJI) dan Timbalan Pendaftar Kanan (TPK). Pengurusan kanan turut dibantu oleh Ketua Pusat Pengajian (KPP) dan Koordinator bagi pelbagai portfolio. Maklumbalas pelanggan dikira sebagai teras untuk memastikan penambahbaikan yang berterusan agar terarah kepada **jaminan penawaran program akademik yang berkualiti, suasana pembelajaran yang kondusif dan pencapaian kadar kebolehpasaran graduan yang tinggi**. Keperluan pelanggan telah dikenalpasti melalui pelbagai medium maklumbalas termasuklah aduan yang terdiri dari e-aduan yang disediakan oleh UiTM seperti; e-Aduan UiTM:<http://eaduankorporat.uitm.edu.my>, e-Aduan Fasiliti: <http://www.fms.uitm.edu.my> , e-Aduan ICT: <http://aduanict.uitm.edu.my> atau pun secara manual. FSPU telah pun menetapkan piawai, proses, prosedur, arahan dan budaya kerja untuk semua staf akademik dan bukan akademik bagi memastikan mereka memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan. Manual Kualiti FSPU telah menetapkan 11 prosedur kualiti pengurusan sebagai garis panduan untuk staf menjalankan tugas yang diberikan seperti yang terdapat didalam <https://fspu.uitm.edu.my/images/Unit/QMS/MANUAL-KUALITI-ISO2015.pdf>. Bagi memastikan pelanggan FSPU dapat menjalankan tugas harian dengan lebih selesa dan efisen, fasiliti yang sempurna dan lengkap adalah amat penting. Pelbagai kemudahan fasiliti yang telahpun disediakan oleh pihak FSPU bagi menampung keperluan PdP bagi staf akademik dan pelajar (Bukti 3.2.4 Fasiliti di FSPU untuk Kemudahan Pelanggan).

Untuk memastikan keperluan staf akademik dan pelajar adalah mencukupi, pihak pengurusan FSPU telah merangka perancangan melalui Pelan Strategik bagi memastikan sumber sediada mencukupi termasuklah keperluan kewangan, pengetahuan dan kepakaran. Bagi memastikan semua staf akademik dan bukan akademik mendapat pengetahuan dan kepakaran yang diperlukan, pendedahan terhadap latihan dan bengkel yang dikendalikan oleh profesional mengikut bidang masing-masing telah dilaksanakan. Bagi memastikan pelajar sentiasa berkeupayaan untuk berdaya saing apabila tamat pengajian kelak, pihak Fakulti telah pun berjaya mengadakan keperluan untuk program akademik dan insaniah. Penglibatan pelajar dalam aspek pembangunan modal insan diselia oleh TDHEP, KPP dan penasihat persatuan pelajar di peringkat dalaman, kebangsaan dan antarabangsa bagi kriteria aktiviti berteraskan akademik dan bukan akademik. Penglibatan pelajar dalam memastikan aktiviti mereka berjalan lancar dibiaya sepenuhnya oleh Tabung Amanah Pembangunan Akademik (TAPA) Fakulti, Tabung Hal Ehwal Pelajar UiTM dan Dana Kecemerlangan UiTM. Sejumlah RM 329,225.20

telah dibelanjakan sepanjang tahun 2019 manakala untuk 2020, sejumlah RM 199,356.42 telah dibelanjakan bagi menampung aktiviti pelajar (Bukti 3.2.5a Perbelanjaan Tabung Amanah Pembangunan Akademik (TAPA), FSPU bagi tahun 2019 dan 2020). Agihan peruntukan mengikut pusat pengajian bagi tahun 2019 dan 2020 juga telah pun disalurkan bagi memastikan semua aktiviti dapat dijalankan dengan lancar (Bukti 3.2.5b Agihan Peruntukan TAPA Untuk Tahun 2019 dan 2020 Mengikut Pecahan Pusat Pengajian). Dalam kategori bukan akademik, pelajar FSPU bergerak melalui persatuan pelajar pusat pengajian masing-masing, selain dapat bekerjasama dengan pihak Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pembangunan pelajar (Bukti 3.2.5c Senarai Persatuan Pelajar FSPU). Kegiatan tersebut menjadi medan penyaluran idea pelajar dan merapatkan jurang perhubungan antara pelajar dan juga pihak luar termasuklah pihak industri dan masyarakat setempat. Setiap sebelas Pusat Pengajian mempunyai persatuan pelajar masing-masing bagi membolehkan pelajar menyalurkan kegiatan sosial mereka ke arah yang lebih bermanfaat.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [3.2.1 Kaedah Penentuan Keperluan Pelanggan FSPU Pelanggan.pdf](#)
2. [3.2.2 Bilangan Pelajar FSPU Mengikut Tahun Dan Kampus Shah Alam dan Puncak Alam. 2019-2020.pdf](#)
3. [3.2.3 Enrolmen Pelajar Fspu Sesi I 20202021 \(data pada 15 Disember 2020\).pdf](#)
4. [3.2.4 Fasiliti di FSPU untuk Kemudahan Pelanggan.pdf](#)
5. [3.2.5a, 3.2.5b & 3.2.5c TAPA Dan Penglibatan Pelajar.pdf](#)

### **3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

FSPU menyimpan, memeriksa dan meneliti maklumat pendaftaran semua pelajar melalui data yang diperolehi dari sistem talian SIMS UiTM (Bukti 3.3.1 Sistem SIMS UiTM). FSPU turut mengumpul maklumbalas dari staf akademik, sokongan dan pelajar sepanjang masa demi memastikan keberkesanan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, pengurusan akademik dan hal-hal lain adalah terjamin. Bagi memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan terhadap PdP, pendekatan secara formal dan tidak formal telah digunakan oleh pihak pengurusan FSPU bagi mendapatkan maklumbalas (Bukti 3.3.2a Sistem pengukuran kepuasan pelanggan di FSPU dan Bukti 3.3.2b Contoh SuFO). Kaedah Formal adalah dengan menggunakan mekanisme penyampaian maklumbalas melalui borang kajiselidik seperti *Google Form*, e-aduan, maklumbalas dari forum dan bengkel serta perjumpaan pihak pengurusan FSPU dan pelanggan (Bukti 3.3.3 Contoh e-Aduan, SuFO dan *Entrance and Exit Survey*). Perjumpaan akan diadakan sekali setiap semester ini akan membincangkan isu-isu seperti keperluan prasarana dan kebajikan pelajar antara pihak HEP dan pelajar termasuk diperingkat PP. Manakala kaedah tidak formal pula adalah dengan mengisi borang maklumbalas yang disediakan secara online, di tempat awam seperti kaunter, makmal, kafetaria dan perpustakaan. Melalui maklumbalas ini, pihak FSPU juga telah mengenalpasti keperluan kumpulan sasaran terhadap PdP seterusnya menentukan kaedah-kaedah yang terbaik bagi membantu golongan tumpuan ini. Sepanjang norma baru yang bermula pada 2020, pihak fakulti telah menjalankan pelbagai inisiatif bagi menggalakkan pelajar untuk terlibat secara lansung dalam pelbagai pertandingan sama ada di peringkat dalaman atau kebangsaan, malah diperingkat antarabangsa. Pelbagai siri webinar telah pun dianjurkan oleh pihak Fakulti dan pihak luar yang membawa kepada penglibatan pelajar dan staf akademik .

Pendekatan menggunakan era digital IR4.0 dan Education 5.0 telahpun menjadi sandaran pihak staf akademik bagi memastikan kelangsungan pembelajaran dapat dijalankan sepanjang pandemik COVID-19. Penggunaan aplikasi Ufuture dan MOOC oleh pensyarah FSPU bagi mengendalikan pembelajaran pelajar secara maya telah menjadikan pembelajaran tanpa batasan dijalankan walau dimana pelajar berada. Hasil dari pemantauan pihak pengurusan, jumlah pensyarah yg menggunakan ufuture pada tahun 2019 dan 2020 adalah sebanyak 219 orang pensyarah yang mana meliputi 6,160 jumlah kandungan pembelajaran dan 597 jumlah penilaian. Manakala jumlah pelajar FSPU yg menggunakan ufuture adalah seramai 13,609 (Bukti 3.3.4a Fakta Data Penggunaan U-Future di FSPU). FSPU juga turut menganjurkan bengkel khas ufuture kepada staf akademik bagi meningkatkan lagi mutu pengajaran (Bukti 3.3.4b Bengkel khas U-Future untuk staf akademik FSPU). Ini menampakkan bahawa FSPU sangat komited kepada akses pembelajaran pelajar untuk memastikan pelajar-pelajar FSPU sentiasa mendapat hasil pembelajaran yang baik walaupun banyak kekangan yang berlaku dalam keadaan pandemik COVID-19. Pihak pengurusan FSPU juga telah menggalakkan staf akademik untuk menggunakan platform-platform digital dan sosial media seperti *Youtube*, MOOC dan lain-lain bagi membolehkan penyampaian pembelajaran menjadi lebih menarik dan berkesan (Bukti 3.3.5 Data Pelajar MOOC di FSPU). Pendekataan penggunaan platform yang pelbagai adalah bagi memastikan jurang akses pelajar yang berlainan latar belakang mampu dikurangkan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [3.3.1 Sistem SIMS UiTM\\_compressed.pdf](#)
2. [3.3.2a & 3.3.2b Sistem pengukuran kepuasan pelanggan di FSPU\\_compressed.pdf](#)
3. [3.3.3 Contoh e-Aduan, SuFO dan Entrance and Exit Survey\\_compressed.pdf](#)
4. [3.3.4a & 3.3.4b Fakta Data Penggunaan U-Future di FSPU\\_compressed.pdf](#)

5. 3.3.5 Data Pelajar MUOC di FSPU.par

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

FSPU telah menjalankan beberapa siri pemantauan bagi memastikan pembelajaran mengikut kualiti dan garis panduan yang telah ditetapkan dengan melaksanakan Audit Dalam disamping Audit Luaran. Ini bagi memastikan ‘check and balance’ sentiasa berlaku di semua 10 pusat pengajian di FSPU. Selain daripada itu, Jawatankuasa PROPENS fakulti juga sentiasa menjalankan pemantauan untuk setiap semester. Memandangkan kursus–kursus yang ditawarkan di FSPU merupakan kursus Profesional yang sentiasa memerlukan pengiktirafan dari badan profesional luar, setiap pusat pengajian telahpun melantik beberapa orang pemeriksa luar yang terdiri daripada pelbagai latar belakang akademik (Bukti 3.4.1.1a Surat Lantikan Pemeriksa Luar (Penilaian Program)) dan juga professional (Bukti 3.4.1.1b Surat Lantikan Panel Industri). Beberapa siri lawatan ke Pusat pengajian di FSPU telah pun dilaksanakan bagi tujuan pemantauan dan memastikan kualiti pembelajaran dan pengajaran adalah sejajar dengan kualiti yang yang telah ditetapkan oleh badan Professional (Bukti 3.4.1.2 Pemantauan Bagi Pembelajaran Di FSPU Untuk Tahun 2019 Dan 2020). Selain daripada itu, bagi memastikan setiap kurikulum yang disampaikan sentiasa sejajar dengan industri, pihak FSPU juga telah pun melantik beberapa pemeriksa luar daripada industri untuk sama-sama memberi pandangan terhadap kurikulum semasa.

Bagi kursus berteraskan rekabentuk, beberapa panel luar telahpun dijemput untuk sama-sama hadir sewaktu sesi krit pelajar bagi memberikan buah fikiran dan pandangan mereka terhadap hasil kerja pelajar. Begitu juga pada kursus bukan rekabentuk, dimana kehadiran panel luar sebagai salah seorang panel jemputan adalah merupakan perkara biasa (Bukti 3.4.1.3a Surat Jemputan Profesional Luar Menjadi Panel Interim (*Local*) dan Bukti 3.4.1.3b Surat Jemputan Profesional Luar Menjadi Panel Penilai Studio Tahun Akhir (*Antarabangsa*)). Amalan ini telah menjadikan pelajar FSPU sentiasa berdaya saing apabila tamat pengajian dan memasuki arena pekerjaan. Sepanjang pandemik COVID-19 pada 2020, penglibatan pihak badan professional adalah amat baik. Kebanyakan badan professional telah memberikan kerjasama dengan mengeluarkan beberapa pemberitahuan dan garispanduan untuk pelajar dan kakitangan akademik berkaitan dengan pengurusan akademik program masing-masing (Bukti 3.4.1.4 Nota Khas yang dikeluarkan oleh Majlis Akreditasi dan Pendidikan Senibina Malaysia (MAPS) sewaktu Pandemik COVID19). Ini bagi memastikan pelajar tidak ketinggalan sepanjang pembelajaran norma baharu dijalankan. Pihak pengurusan akademik FSPU, khasnya, sentiasa memastikan setiap PdP dilaporkan bagi menangani permasalahan sepanjang tempoh perlaksanaan norma baharu pembelajaran. Pihak pengurusan FSPU juga sentiasa bekerjasama dengan perwakilan pelajar bagi memastikan setiap keluhan pelajar didengari dengan mengadakan beberapa siri tinjauan permasalahan pelajar (Bukti 3.4.1.5 Minit Mesyuarat Bil ke-47 (18 Jun 2020) membincangkan laporan *Task Force ODL* sewaktu COVID 19 dari Wakil MPP). Ini termasuklah masalah capaian internet pelajar sepanjang norma baharu pembelajaran dilaksanakan. Ini semua bagi memastikan pelajar dapat belajar walau dalam keadaan yang agak mencabar.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [3.4.1.1a& 3.4.1.1b Surat Lantikan .pdf](#)
2. [3.4.1.2 Pemantauan Bagi Pembelajaran Di FSPU Untuk Tahun 2019 Dan 2020.pdf](#)
3. [3.4.1.3a& 3.4.1.3b Surat Jemputan .pdf](#)
4. [3.4.1.4 Nota Khas yang dikeluarkan oleh Majlis Akreditasi dan Pendidikan Senibina Malaysia \(MAPS\) sewaktu Pandemik COVID19.pdf](#)
5. [3.4.1.5 Minit Mesyuarat Bil ke-47 \(18 Jun 2020\) membincangkan laporan Task Force ODL sewaktu COVID 19 dari Wakil MPP.pdf](#)



### **3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

FSPU sentiasa memastikan risiko yang boleh menjasakan reputasi fakulti berada di tahap yang paling minimum. Unit Pengurusan Risiko FSPU memainkan peranan dalam memastikan semua risiko yang dikategorikan daripada rendah ke ekstrem dipantau oleh Fakulti. Semua risiko pada pelanggan khasnya telah dikenalpasti melalui daftar risiko yang dikeluarkan oleh pemunya risiko dan sentiasa dipantau agar sentiasa berada dalam keadaan terkawal (Bukti 3.4.2.1a. Laporan Daftar Risiko FSPU 2020 melalui sistem e-RMS).

Semua risiko telah pun dikenal pasti dan dibincangkan didalam MKSP bagi mencari kaedah penyelesaian yang terbaik untuk lebih bersedia menghadapi risiko tersebut (Bukti 3.4.2.1b Laporan Daftar Risiko FSPU 2019). Unit Pengurusan Risiko FSPU yang terdiri daripada wakil-wakil Pusat Pengajian (Bukti 3.4.2.2), telahpun menghantar daftar risiko tahunan kepada pihak UPR UiTM berdasarkan kepada risiko yang tinggi dan ekstrim sahaja. Daripada risiko yang dikenalpasti ini wakil UPR setiap Pusat Pengajian telah mengambil tindakan susulan bagi memastikan risiko tersebut tidak akan memberi kesan yang tinggi pada pusat pengajian amnya dan fakulti khasnya. Pihak pengurusan tertinggi juga telahpun dimaklumkan tentang langkah-langkah yang diambil bagi menangani risiko tersebut.

Untuk tahun 2020 satu daftar risiko khas untuk COVID-19 telahpun di salurkan kepada pihak UPR UiTM. Pada permulaan berlakunya pandemik COVID- 19, pihak Jawatankuasa Penyelaras Risiko Fakulti dengan bantuan pihak UPR, telah menjalankan inisiatif kecemasan dengan mengambil langkah drastik bagi mengenalpasti risiko yang membabitkan semua kategori risiko termasuklah kategori operasi yang membabitkan PdP (Bukti 3.4.2.3 Minit Mesyuarat MKSP Bil 1/2019-Pembentangan Daftar Risiko). Ini bagi mengelakkan dan membuat persediaan bagi mengawalselia keadaan dari berlakunya ketidaktentuan dalam operasi terbabit sepanjang pandemik ini. Pelbagai perlaksanaan aktiviti telah dijangka terjejas dan pihak pengurusan tertinggi telah merangka pelbagai pendekatan bagi mengatasi risiko tersebut (Bukti 3.4.2.4: Tinjauan dan Analisa Penilaian Risiko Sewaktu COVID-19). Hasilnya, semua aktiviti yang dikategorikan sebagai tahap tinggi dan ekstrem dapat diatasi dengan baik

Maklumbalas pelanggan yang diterima telah diambil pendekatan yang sangat tinggi bagi memastikan semua permasalahan dan aduan dapat diatasi bagi mengelakkan risiko lain yang boleh menjasakan perkhidmatan pelanggan. Antara risiko yang dikenalpasti boleh menjasakan perlaksanaan pencapaian maklumbalas pelanggan adalah kategori kewangan. Bagi memastikan risiko ini tidak menghalang perlaksanaan pencapaian, pihak pengurusan tertinggi sentiasa memastikan perbelanjaan kewangan fakulti disalurkan kepada perbelanjaan yang berhemah dan tepat. Pihak pengurusan tertinggi turut memastikan setiap Ketua Jabatan memahami ke mana perbelanjaan dialirkkan dengan membentangkan semua perbelanjaan sewaktu mesyuarat pengurusan diadakan. Secara tidak langsung, perancangan awalan dapat dilakukan dengan lebih terperinci bagi mengelakkan kegagalan perlaksanaan perancangan. Maklumbalas pelanggan berhubung dengan PdP juga telahpun di bentangkan dalam satu bentuk Laporan Perlaksanaan Pembelajaran terbuka dan Secara Jarak Jauh bagi FSPU (Bukti 3.4.2.5 Laporan Perlaksanaan Pembelajaran terbuka dan Secara Jarak Jauh bagi FSPU).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [3.4.2.1a & 3.4.2.1b Daftar Risiko ERMS 2020 dan 2019.pdf](#)
2. [3.4.2.2 Senarai Jawatankuasa Unit Pengurusan Risiko FSPU bagi tahun 2019-2020.pdf](#)
3. [3.4.2.3 Minit Mesyuarat MKSP Bil 12019-Pembentangan Daftar Risiko\\_compressed.pdf](#)
4. [3.4.2.4 Tinjauan dan Analisa Penilaian Risiko Sewaktu COVID 19.pdf](#)

[5. 3.4.2.5 Laporan Perlaksanaan Pembelajaran terbuka dan Secara Jarak Jauh bagi FSPU.pdf](#)

### **3.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Pihak pengurusan kanan FSPU sentiasa memastikan tindakan penambahbaikan dijalankan bagi memastikan hasil daripada tindakan-tindakan adalah mengikut ketetapan yang telah di unjurkan. Ini dilakukan dengan mengadakan beberapa perbincangan melalui beberapa siri mesyuarat khas seperti Mesyuarat Kajisemula Pengurusan (Bukti 3.4.3.1 Minit Mesyuarat MKSP Bil 1/2019). Didalam MKSP ini, ahli-ahli pengurusan kanan akan dibentangkan dengan penemuan-penemuan oleh wakil Unit Kualiti. Di sini isu-isu akan dikenalpasti daripada penemuan tersebut dan terus diperbincangkan dengan menyasarkan beberapa tindakan penambahbaikan yang telah dicadangkan. Dalam MKSP ini juga Ketua Jabatan masing-masing akan didedahkan dengan isu-isu yang di dapat daripada hasil pemantauan yang telah dijalankan. Ini termasuklah hasil pemantauan daripada Audit Dalam dan Audit Luar, Daftar Risiko Jabatan masing-masing, hasil daripada tinjauan pelajar, PROPENS dan lain-lain.

Maklumbalas yang diterima daripada pihak pelanggan yang telah dikenalpasti akan dijadikan sebagai satu kayu pengukur bagi merangka satu strategi bagi tujuan penambahbaikan. Pihak pengurusan fakulti juga telah mengarahkan kumpulan berkenaan untuk bertanggungjawab bagi memastikan isu-isu yang telah dibentangkan dapat ditambahbaik sejajar dengan kehendak pelanggan. Tindakan pembetulan dan pencegahan akan di rancang bagi memastikan penemuan yang sama tidak akan berlaku. Penglibatan pihak industri dapat dilihat dengan hasil laporan dari panel industri, dan juga panel luar (Bukti 3.4.3.2 Laporan Pemeriksa Luar). Hasil daripada laporan yang telah dikeluarkan ini dapat membantu pihak fakulti mengenalpasti kelemahan yang sedia ada, dan satu tindakan pembetulan dapat dilaksanakan dengan segera. Penglibatan alumni, pihak industri dan badan profesional dalam membentuk kurikulum terkini juga diadakan bagi memastikan kandungan kurikulum adalah seiring dengan pasaran. Ini bagi memastikan pelajar sentiasa berdaya saing apabila berada di alam pekerjaan. Pihak staf akademik juga sentiasa berada dalam landasan yang sama dengan apa yang diperlukan oleh pihak industri dengan memastikan bahan pengajaran sentiasa terkini.

Untuk menangani permasalah sepanjang COVID-19, pihak Pengurusan Tertinggi FSPU melalui tinjauan yang dijalankan keatas pelajar dan Staf Akademik, telah pun mengeluarkan satu Laporan khusus iaitu Laporan Perlaksanaan Pembelajaran terbuka dan Secara Jarak Jauh bagi FSPU. Laporan ini telah menggariskan enam inisiatif yang telahpun dijalankan (Bukti 3.4.3.3 Enam Inisiatif Yang Terdapat Dalam Laporan Perlaksanaan Pembelajaran Terbuka Dan Secara Jarak FSPU). Pihak Pengurusan tertinggi juga telahpun melantik Task Force bagi menangani permasalahan COVID 19 pada awal pandemik ini berlaku lagi (Bukti 3.4.3.4 Pembentukan Dan Lantikan Task Force COVID-19 Seperti Dalam Minit Mesyuarat Ke 38 (6 Mei 2020). Ini bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku pada pelajar dan juga kakitangan. Bagi menangani permasalah pembelajaran secara ODL yang baru dialami oleh pelajar dan staf akademik, satu garispanduan bagi menghadapi Penilaian Akhir dan Prosedur Operasi Standard – Standard Operating Procedure (SOP) telah pun dibangunkan (Bukti 3.4.3.5 Pengurusan Dan Pelaksanaan Penilaian Akhir Bagi Program Sarjana Muda Dan Program Sarjana Melalui Pembelajaran Terbuka Atau Secara Jarak Jauh (Open And Distance Learning) Di FSPU, Shah Alam Dan Cawangan Berikutan Penularan Wabak COVID-19 Dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Sepanjang Semester Mac –Julai 2020 dan Standard Operating Procedure (SOP) untuk Penilaian Akhir FSPU).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [3.4.3.1 Minit Mesyuarat MKSP Bil 12019.pdf](#)
2. [3.4.3.2 Laporan Pemeriksa Luar.pdf](#)
3. [3.4.3.3 Enam Inisiatif Yang Terdapat Dalam Laboran Perlaksanaan Pembelajaran Terbuka](#)

---

[Dan Secara Jarak FSPU.pdf](#)

4. [3.4.3.4 Pembentukan Dan Lantikan Task Force Covid 19 Seperti Dalam Minit Mesyuarat Ke 38 \(6 Mei 2020\).pdf](#)

5. [3.4.3.5 Pengurusan Dan Pelaksanaan Penilaian Akhir dan SOP.pdf](#)

### **3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Hasil keberkesanan daripada pelbagai inisiatif yang telah dijalankan dalam memastikan keperluan pelanggan dan pemegang taruh tidak terjejas walaupun di dalam situasi pandemik, dapat dilihat dari pelbagai sudut. Ini termasuk inovasi dalam kaedah PdP, pencapaian dalam peperiksaan akhir, penyertaan dan kemenangan pelajar dalam pertandingan serta penyertaan pelajar dalam bengkel dan webinar antarabangsa. Ini terbukti dengan pelaksanaan pelbagai kaedah PdP secara dalam talian dan jarak jauh yang bersesuaian dengan kandungan kursus dan kebolehcapaian internet pelajar. Sasaran pelaksanaan penyampaian pengajaran secara pembelajaran teradun oleh UITM sebelum ini secara langsung tercapai hampir sepenuhnya (Bukti 3.5.1 Analisa Penggunaan ODL). Penyampaian dan kaedah penilaian yang fleksibel digunakan bagi memastikan para pelajar tidak ketinggalan dalam mengikuti sesi PdP, antaranya melalui rakaman sesi syarahan, penghantaran tugas, penggunaan aplikasi-aplikasi yang mesra PdP dan sebagainya (Bukti 3.5.2 Inovasi Staf Akademik dan Pelajar sepanjang ODL). Antara platform yang digunakan bagi penyampaian dan penilaian dalam PdP adalah platform UITM seperti Ufuture, MOOC dan kursus-kursus microcredential. Manakala platform luar adalah seperti *Google Classroom*, *Google Meet*, *Microsoft Teams*, *Webex* dan *Youtube*. Selain itu, kaedah penyampaian maklumat dan perbincangan yang paling banyak digunakan adalah melalui saluran *WhatsApp* dan *Telegram*.

Inovasi bahan pembelajaran dan pengajaran turut terhasil daripada pelajar dan staf akademik, melalui pembentangan dalam bentuk digital seperti video dan pembentangan interaktif lain yang merupakan satu anjakan positif dalam membentuk kurikulum yang lebih dinamik, seiring arus perkembangan semasa. Bahan pengajaran yang dibangunkan oleh staf akademik juga telah dikira sebagai inovasi dalam pengajaran dan diperaku sebagai bahan terbitan dalam PRISMA di bawah media elektronik atau bahan dalam talian (Bukti 3.5.3 Hasil Kerja di perakui oleh PRISMA).

Pencapaian pelajar di akhir semester bukan sahaja dalam peperiksaan dan penilaian akhir, malah dalam penilaian berterusan, telah menunjukkan peningkatan dari tahun 2019 ke tahun 2020 (Bukti 3.5.4 Analisa Penilaian Akhir untuk 2019 dan 2020). Ini merupakan penunjuk aras yang baik bagi sesi PdP yang akan datang. Para pelajar FSPU tidak ketinggalan dalam menyertai pelbagai pertandingan dan inovasi di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa. Pelbagai kemenangan telah dicapai sepanjang 2019 dan 2021. Ini membuktikan bahawa para pelajar FSPU mempunyai daya saing yang tinggi, setara dengan universiti lain. Meskipun berdepan dengan pandemik dan pelbagai limitasi, ia bukanlah penghalang bagi mereka untuk menempa nama di persada kebangsaan dan antarabangsa. Antara kejayaan besar yang telah dikecapi adalah dalam *International Built Environment Undergraduate Competition* (BEURC) anjuran Fakulti Alam Bina, Universiti Malaya dengan kemenangan hampir keseluruhan penyertaan (Bukti 3.5.5 Penglibatan Dan Kemenangan Pelajar FSPU Sepanjang 2019 Dan 2020).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [3.5.1 Analisa Penggunaan ODL FSPU bagi Oktober 2020 dan November 2020.pdf](#)
2. [3.5.2 Inovasi Staf Akademik dan Pelajar sepanjang ODL\\_compressed.pdf](#)
3. [3.5.3 Hasil Kerja di perakui oleh PRISMA.pdf](#)
4. [3.5.4 Analisa Penilaian Akhir untuk 2019 dan 2020.pdf](#)
5. [3.5.5 Penglibatan Dan Kemenangan Pelajar FSPU Sepanjang 2019 Dan 2020.pdf](#)

## **KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**

### **4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

#### **Perancangan**

Perancangan yang menyeluruh bagi pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan merangkumi langkah-langkah bagi mencapai pelaksanaan strategik dan matlamat FSPU. Tahun 2020 merupakan satu cabaran baru susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) negara bermula 18hb Mac 2020. Namun begitu, prosidur dan langkah-langkah strategik dilaksanakan disesuaikan dengan keadaan semasa. Walaubagaimanapun, setiap proses dan langkah-langkah PdP dipantau secara berterusan bagi memastikan objektif bidang tumpuan iaitu PdP pelajar tercapai dengan jayanya. Perancangan merangkumi aspek kaedah implementasi yang sesuai dan boleh diukur/dianalisis, dipantau dan dipertambahbaikan. Perancangan juga meliputi aspek pengurusan serta penilaian semula (*review*) yang berterusan semasa tahun 2019 dan 2020.

#### **Pelaksanaan**

Pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan dilaksanakan secara sistematik menggunakan pengukur utama petunjuk prestasi iaitu KPI universiti dan Fakulti serta berteraskan prinsip ***Generations of Professional Excellence***. Tahap pencapaian FSPU dalam bidang tumpuan (PdP) diukur berdasarkan indikator-indikator yang ditetapkan. Justeru, pelbagai data yang bersesuaian dikumpul secara berkala bagi tujuan penilaian dan analisa. Data yang dikumpul disimpan dengan cermat dan dapat diakses oleh pihak pengurusan dengan kaedah sistem yang mudah dan selamat bagi menepati prosidur yang ditetapkan oleh Universiti. Pada tahun 2019 penggunaan sistem yang selaras dengan sistem peringkat universiti masih digunakan tetapi pada tahun 2020 penggunaan sistem ini lebih diperluaskan, dipermudahkan capaiannya kepada staf, contohnya aplikasi sistem eRes UiTM, GMeet, Webex dan platform sosial media. Ini memudahkan komunikasi di antara tenaga pengajar, pelajar dan pihak pengurusan serta jaringan industri luar. FSPU juga meningkatkan petunjuk prestasi PdP dalam membuat webinar *knowledge sharing session* bersama industri luar, badan professional, organisasi awam tempatan dan antarabangsa yang dimanfaatkan oleh para pelajar dan pensyarah.

#### **Pemantauan**

Pemantauan pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan dilakukan pada setiap semester, dan dilaporkan dengan terperinci diperingkat Pusat Pengajian oleh AJK yang berkaitan dan seterusnya dibentangkan kepada pengurusan tertinggi di peringkat Fakulti. Prosidur ini memastikan analisa lebih tepat dan efisen meliputi pembetulan dan penambahbaikan berterusan. Pada tahun 2019 langkah-langkah pemantauan PdP dibentangkan secara semuka/ *face to face* dan maya tetapi pada tahun 2020 kaedah pemantauan secara maya/online diperingkatkan sebagai mengikut arahan dari pihak Universiti dan Kementerian. Pemantauan kaedah PdP melalui sistem *Open and Distance Learning (ODL)* yang sesuai dan mudah dicapai juga mengambil kira kekangan yang dihadapi oleh para pelajar.

#### **Tindakan Penambahbaikan**

Tindakan penambahbaikan dalam pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan yang dilakukan adalah secara berterusan. Ianya turut menjadi indikator untuk memberi penghargaan kepada pencapaian pelajar, pensyarah dan staf pentadbiran berkaitan PdP di peringkat Pusat Pengajian dan Fakulti. Dari peringkat Fakulti contohnya tindakan penambahbaikan perubahan

perstruktur dan organisasi, yang membuktikan beberapa unit kira ditugaskan bagi memamparkan kepada beberapa kategori kumpulan PI (*Performance Indicator*). Ekoran cabaran pandemik COVID-19 pada tahun 2020 dan PKP telah mendorong Universiti dan Fakulti membuat sedikit pindaan dan kesesuaian untuk kaedah PdP secara ODL bagi menyokong pencapaian PI. *Operational Definition* (OD) interim diwujudkan bagi memberi peluang Fakulti mencapai sasaran PI yang telah ditetapkan dan rujukan untuk penambahbaikan berterusan. Pihak Fakulti juga telah membuat kajiselidik kepada pelajar sebagai usaha mengenalpasti cara untuk meringankan bebanan mereka dengan ODL.

## **4.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Kayu pengukur utama yang digunakan sebagai pencapaian prestasi ialah KPI universiti dan Fakulti yang berteraskan prinsip *Generations of Professional Excellence* dalam PdP.

Pengukuran pencapaian PdP yang digunakan oleh FSPU adalah merangkumi indikator-indikator seperti berikut (Bukti 4.2.1 Indikator Pengukuran pencapaian pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh FSPU ( Bukti 4.2.2 Proses pengukuran pencapaian PdP).

1. SUFO mengukur peratusan pencapaian prestasi pelbagai aspek PdP
2. Entrance-Exit Survey (EES) mengukur skala persepsi pencapaian CLO
3. Analisa PROPENS (2019) & TESA (2020) mengukur pencapaian peratusan analisa kendiri (Self review)
4. Pencapaian Keputusan CGPA dan GPA pelajar dalam Peperiksaan Akhir
5. OBE CDL-CQI mengukur skala pencapaian prestasi kursus
6. Pencapaian Sasaran Kerja Tahunan (SKT) staf akademik mengukur peratusan pencapaian staf akademik
7. Keputusan Pemeriksaan Audit Dalaman mengukur aspek pematuhan
8. Keputusan Pemeriksaan Audit Luar mengukur aspek pematuhan
9. Keputusan Akreditasi oleh Badan-Badan Profesional mengukur aspek pematuhan
10. Keputusan Laporan Pemeriksaan Luar mengukur aspek pencapaian akademik
11. Bilangan Implementasi Inovasi Pengajaran oleh Pensyarah mengukur sumbangan bahan pengajaran melalui ODL
12. Bilangan kuliah secara MOOC yang dijalankan mengukur peratusan penglibatan kursus
13. Bilangan Pensyarah dengan kelayakan tertinggi seperti (PhD) atau kelayakan professional

Pendekatan menggunakan pelbagai sistem bertujuan merekodkan data pengukuran berkaitan indikator PdP bagi tahun 2019 dan 2020 (Bukti 4.2.3 Pekeling Panduan PdP). Penggunaan sistem lebih memainkan peranan yang menonjol pada tahun 2020. Sistem sedia ada telah diselaraskan dan dikembangkan oleh pihak UiTM agar menjadi lebih mudahcapai kepada staf akademik/bukan akademik dan pelajar untuk bekerja dan belajar dari rumah (BDR). Sistem eRes-UiTm yang pada tahun 2019 adalah mudah capai secara intranet (dalaman) ditukar kepada mudah capai secara internet (luaran) pada tahun 2020. Langkah ini memudahkan pemarkahan direkod dengan konsep BDR (*work from home*) (Bukti 4.2.4 Panduan menggunakan Sistem eRes-UiTm).

Sistem SIMS pada 2020 dikenalkan sebagai intranet dengan akses terhad untuk merekod dan menganalisa pencapaian keputusan/markah peperiksaan/penilaian akhir; pencapaian keputusan bilangan pelajar AD/GOT/AF/ANC , CGPA dan status akademik pelajar. Sistem platform i-Learn (2019) dan uFuture UiTM/*Google Meet/ Google Classroom/ You Tube/FB/Whatsapp/ Zoom/Webex*(2020) dan lain-lain platform merekod dan membantu pengurusan sesi PdP dalam mencapai keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Keputusan markah SUFO, EES juga diuruskan oleh sistem uFuture (Bukti 4.2.5 Contoh platform sesi PdP dijalankan).

Sistem iQAR-U4 memudahkan maklumat serta dasar pembiayaan bagi perniagaan dalam rangka perlaksanaan sesuatu program dengan lebih terurus dan terancang. Sistem *GDrive* dan email UiTM merekod dan memberi capaian yang mudah (dengan ciri keselamatan) kepada staf dalam pengurusan data-data berkaitan PdP. Kaedah ini memudahkan staf mengemaskini maklumat atau tugasan/laporan terkini kerana ada ciri keselamatan yang boleh kenalpasti nama pemilik *GDrive*, nama ahli dan nama staf yang mengemaskini serta tarikh dan masa pengemaskinian. Melalui kaedah penggunaan internet, capaian juga boleh dijalankan secara serentak, 24 jam dan ini menjadikan kaedah ini lebih efektif dari segi penggunaan masa.

**SENARAI BUKTI:**

1. [4.2.1 Indikator pengukuran pencapaian PdP yang digunakan oleh FSPU.pdf](#)
2. [4.2.2 Proses Pengukuran Pencapaian PdP.pdf](#)
3. [4.2.3 Pekeliling Panduan PdP.pdf](#)
4. [4.2.4 eRES.pdf](#)
5. [4.2.5 Platform yang digunakan untuk PdP \(2020\).pdf](#)

### **4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Data-data dan kaedah yang digunakan untuk membuat penilaian serta kekerapan data yang dikumpul dan dianalisiskan mengguna pakai item pengukuran (IP) seperti yang ditunjukkan (Bukti 4.3.1 Jadual Item Pengukuran, Data yang digunakan dan Kekerapan Data). Beberapa item pengukuran kualiti PdP iaitu SuFO, EES, GPA, CO dan PO, LO dilaporkan di dalam Laporan CDL-OBE\_SCL untuk menilai prestasi setiap kursus dalam mencapai *Faculty Education Objectives*. Ini memberi gambaran terhadap pencapaian KPI akademik untuk pertambahan dan digunakan sebagai rujukan untuk (*continuous quality improvement-CQI*). Pada peringkat FSPU AJK NOBLE membuat laporan (Bukti 4.3.2 Laporan Rumusan CDL-CQI dan Bukti 4.3.3 Laporan OBE-CDL 2020).

IP kualiti PdP yang pertama ialah *Students Feedback Online* (SuFO) melalui platform uFuture UiTM. Ianya suatu kaedah/mekanisma bagi meningkatkan kualiti PdP dan boleh diakses oleh setiap pelajar. Data dalam SuFO untuk tahun 2019 dan 2020 merangkumi persepsi para pelajar terhadap kursus secara keseluruhan, professionalism pensyarah, aktiviti PdP dan aspek infrastruktur/ruang/ kelengkapan peralatan. Analisa data SuFO dilaporkan di dalam Laporan OBE-CDL setiap semester dan dibentangkan di mesyuarat peperiksaan JAF.

IP kualiti PdP yang seterusnya ialah kaedah EES yang di akses oleh pelajar dan pensyarah dari sistem UFUTURE. Pelajar disurvei pandangan mereka terhadap Course *Learning Outcome* (CLO) pada sebelum dan selepas kursus. Setiap pelajar memasukkan persepsi mereka (data berskala) dan analisis dilaporkan di dalam Laporan OBE-CDL. Laporan ini dibentangkan di mesyuarat peperiksaan JAF setiap semester.

IP kualiti pemantauan PdP yang diamalkan di FSPU pada 2019 dan 2020 seterusnya ialah kaedah Professionalisma Pensyarah (PROPENS) yang berkaitan prestasi pengajaran pensyarah. Pemantauan PROPENS dilakukan terhadap pensyarah terpilih pada 2019 dan 2020 dan pelaporan dilakukan oleh AJK PROPENS FSPU dan dibentangkan di mesyuarat Pengurusan.

IP kualiti PdP yang berikutnya ialah kaedah Teaching Evaluation Self-Assessment (TESA) yang diperkenalkan pada tahun 2020. TESA ialah komponen ketiga selepas SuFO dan PROPENS dan pensyarah boleh mengenalpasti kekuatan dan kekurangan (*Self Assessment*) kendiri dalam menjalankan PdP secara hibrid. Data yang diisi di dalam borang kaji selidik secara atas talian diisi oleh setiap pensyarah berkaitan PdP secara ODL dan dikendalikan oleh Unit Akademik HEA peringkat universiti.

IP kualiti termasuk kaedah pelaksanaan Audit dalaman. Ianya dijalankan setiap tahun di bawah arahan InQKA. Laporan Audit Dalaman ini disediakan oleh pasukan Audit Dalam FSPU dan dibentangkan di Mesyuarat MKSP FSPU (Bukti 4.3.4 Pelaporan Audit Dalam). IP pemantauan kualiti PdP seterusnya ialah pencapaian keputusan akhir setiap kursus. Data pemarkahan dan keputusan/gred GPA/CGPA pelajar dikumpul dari sistem SIMS UiTM oleh KPP dan penolong pendaftar akademik FSPU. Pencapaian keputusan akademik dilaporkan di mesyuarat peperiksaan JAF pada setiap semester.

I<sup>PF</sup> kualiti akademik yang memantau kualiti PdP seterusnya iaitu maklumat-pelajar dari pemeriksa luar tahunan. Pada tahun 2020 COVID-19 dan PKP, lawatan ditangguhkan.

Walaubagaimanapun, laporan kepada badan profesional tetap disediakan untuk pemantauan kualiti PdP (Bukti 4.3.5 Contoh Laporan *Mid Term Review* untuk Lembaga Perancang Bandar Malaysia 2020). Semakan dokumen dijalankan melalui platform maya seperti *GMeet* dan email bersama badan akreditasi. Hasil inovasi ODL seperti bahan dan video pengajaran di rekod di dalam *GDrive* HEA Fakulti untuk rujukan pihak pengurusan.

**SENARAI BUKTI :**

1. [4.3.1 Jadual.pdf](#)
2. [4.3.2 CDL CQI Summary.pdf](#)
3. [4.3.3 Laporan OBE.pdf](#)
4. [4.3.4 Fakta Audit Dlmn FSPU.pdf](#)
5. [4.3.5 Contoh Templat ReAkreditasi Program-program di FSPU 2019 2020.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pemantauan pencapaian PdP dilaksanakan oleh FSPU adalah secara berkala dan berperingkat mengikut kekerapan analisa data yang telah ditetapkan. Sejak semester Mac-Julai 2020, peperiksaan akhir telah diubah kepada Pentaksiran Akhir yang mana perlaksanaannya dibuat melalui kaedah terbuka dan jarak jauh menggunakan platform yang bersesuaian. Hasil pencapaian keputusan peperiksaan/pentaksiran akhir yang disediakan oleh ketua setiap pusat pengajian, dilaporkan dan dibentangkan di dalam mesyuarat JAF untuk disemak dan disahkan. Seterusnya TDA menyediakan satu laporan lengkap yang mengandungi pencapaian keseluruhan fakulti serta perbandingan mengikut pusat pengajian untuk pembentangan di dalam mesyuarat Senat (Bukti 4.4.1 Contoh Laporan Peperiksaan dan Pentaksiran Akhir oleh FSPU). Setiap pusat pengajian perlu memantau hasil pencapaian tersebut untuk membolehkan sebarang kelemahan ditambahbaik pada semester yang berikutnya.

Selain daripada itu, data-data SUFO, EES, OBE-SCL Implementation dan CO-PO-LO-KI Alignment yang dicerap dari sistem uFuture akan dianalisa dan hasil dapatannya akan disediakan sebagai satu laporan CDL-CQI (*Closing the Loop - Continuous Quality Improvement*). Laporan tersebut disediakan oleh AJK NOBLE setiap pusat pengajian bagi memantau dan menyemak pencapaian setiap program akademik pada setiap semester bagi memastikan relevansi, dinamik dan kualiti setiap program yang ditawarkan (Bukti 4.4.2: Contoh Laporan CDL-CQI Oktober 2020 program akademik di FSPU). Analisa pencapaian tersebut seterusnya disemak oleh ketua setiap pusat pengajian, Timbalan Dekan Akademik (TDA) dan Pengurus Jawatankuasa NOBLE bagi mengenalpasti kelemahan bagi tujuan penambahbaikan. Pelaporan tersebut dibentangkan kepada pengurusan tertinggi fakulti dalam saluran pelaporan tertentu seperti mesyuarat JAF, Pengurusan dan MKSP bagi tujuan pemantauan pencapaian, dan seterusnya membincangkan tindakan penambahbaikan prestasi bagi keseluruhan fakulti.

Bagi memantau prestasi PdP pensyarah, FSPU menggunakan beberapa mekanisme seperti PROPENS dan TESA serta semakan ke atas dokumen-dokumen setiap kursus yang diajar seperti Fail Kursus dan Portfolio Pengajaran. Pada tahun 2020, TESA telah diperkenalkan bagi tujuan penilaian kendiri pensyarah bagi mengukur perlaksanaan PdP secara ODL. Data TESA telah dianalisa dan dilaporkan oleh AJK PROPPENS dan TDA di dalam mesyuarat JAF (Bukti 4.4.3 Pemantauan Prestasi Pensyarah FSPU dan Bukti 4.4.4 Contoh Laporan TESA 2020 oleh FSPU). Ringkasan bagaimana hasil penganalisaan data digunakan untuk penambahbaikan prestasi bidang pengajaran dan pembelajaran di FSPU dengan perkongsian maklumat kepada warganya (Bukti 4.4.5a dan Bukti 4.4.5b).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [4.4.1 Laporan Peperiksaan atau Pentaksiran Akhir 2019 2020\\_compressed.pdf](#)
2. [4.4.2 Contoh Laporan CDL-CQI bagi salah satu program akademik di FSPU\\_compressed.pdf](#)
3. [4.4.3 Pemantauan Prestasi PdP Pensyarah FSPU\\_compressed.pdf](#)
4. [4.4.4 Laporan TESA 2020 FSPU\\_compressed.pdf](#)
5. [4.4.5a & 4.4.5b Perkongsian maklumat bagi penambahbaikan prestasi PdP berdasarkan hasil analisa data pengukuran.pdf](#)

#### **4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Dalam memastikan pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan berjalan lancar, pengurusan risiko merupakan satu elemen penting yang harus diberi perhatian. Kegagalan menguruskan dan menangani risiko dengan kadar segera akan menjadikan fokus terhadap pencapaian KPI FSPU secara khususnya dan KPI UiTM secara amnya. Inisiatif PdP yang telah dirancang dengan rapi tidak akan dapat dilaksanakan dengan jayanya tanpa mengambilkira cabaran dan risiko. Bermula dari bulan Mac 2020, PdP secara ODL telah dilaksanakan oleh UiTM dengan beberapa cabaran dan kekangan.

Unit Pengurusan Risiko FSPU mengamalkan sikap proaktif dalam mengenalpasti dan menguruskans risiko agar perancangan dan perlaksanaan aktiviti berkaitan akademik (PdP), hal ehwal pelajar, pentadbiran, pengurusan kewangan, penyelidikan dan sebagainya dapat berjalan seperti yang sepatutnya. Daftar risiko dan cadangan pengurusannya ada dibentangkan oleh unit tersebut kepada pihak pengurusan FSPU samada di dalam mesyuarat kaji semula pengurusan (MKSP), mesyuarat pengurusan, bengkel/mesyuarat perancangan strategik atau mesyuarat Kualiti FSPU (Bukti 4.4.2.1 Pembentangan daftar risiko FSPU dalam MKSP).

Setiap kaedah pengukuran pencapaian PdP yang digunakan sudah tentunya mempunyai beberapa risiko yang perlu dikenalpasti dan seterusnya diuruskan dengan baik. SUFO dan EES yang diletakkan di dalam platform UFUTURE, wajib diisi oleh setiap pelajar pada setiap semester bagi kursus-kursus yang diambil. Selain daripada risiko ketidakboleh capaian sistem UFUTURE oleh pelajar disebabkan kekangan capaian internet, terdapat juga risiko lain yang perlu dikenalpasti oleh setiap pensyarah yang mengajar terutama sekali *Resource Person* kursus yang berkenaan.

Selain dari itu, pengukuran pencapaian pelajar melalui Pentaksiran Akhir yang tidak lagi secara bersemuka di kampus UiTM juga mempunyai risiko nya. Risiko pemantauan semasa Pentaksiran Akhir dijalankan secara atas talian agak sukar untuk dibuat oleh pensyarah. Masa yang diberikan untuk pelajar menjalani Pentaksiran Akhir juga terpaksa dipanjangkan bagi mengambilkira kekangan capaian internet pelajar yang tidak sama (Bukti 4.4.2.2 Contoh Daftar Risiko FSPU bagi tahun 2020 berkaitan Pentaksiran Akhir). Risiko dan pelan tindakan bagi pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan PdP yang telah dikenalpasti bagi FSPU adalah seperti yang disenaraikan di dalam Bukti 4.4.2.3

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [4.4.2.1 Pembentangan Daftar Risiko FSPU dalam MKSP\\_compressed.pdf](#)
2. [4.4.2.2 Contoh daftar risiko berkaitan pemantauan pentaksiran akhir\\_compressed.pdf](#)
3. [4.4.2.3 Senarai risiko pengukuran pencapaian PdP\\_compressed.pdf](#)

#### **4.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Pemantauan pencapaian dilaksanakan secara berkala mengikut ketetapan analisa data yang telah ditetapkan, direkod dan dibuat pelaporan agar memudahkan semua pihak untuk mengenalpasti tindakan untuk penambahbaikan. Proses pemantauan item ukuran dimulakan oleh pegawai bertanggungjawab (yang terdiri daripada koordinator, penyelaras, penasihat dan AJK yang dilantik) dengan menyediakan laporan status pencapaian program dibawah seliaan masing-masing. Dengan menggunakan data yang terkumpul, perbandingan dibuat di antara pencapaian semasa dengan pencapaian pada semester yang lepas dan juga penetapan pencapaian semasa. Proses ini diadakan secara berkala dan berperingkat mengikut kekerapan analisa data yang telah ditetapkan (Bukti 4.4.3.1 Proses Pemantauan, Pencapaian dan Penambahbaikan Prestasi FSPU).

Seterusnya, semakan oleh ketua bahagian yang terdiri daripada Timbalan Dekan Akademik (TDA), Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar (TDHEP) serta Timbalan Dekan Penyelidikan, Inovasi dan Jaringan Industri (TDPJI) dan Timbalan Pendaftar Kanan dilakukan bagi mengenalpasti aspek kelemahan untuk tujuan penambahbaikan. Pelaporan status pencapaian yang disediakan oleh pegawai yang bertanggungjawab ini akan dibentangkan oleh ketua bahagian kepada pengurusan tertinggi fakulti melalui platform seperti Mesyuarat JAF, Mesyuarat Pengurusan, Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP), Mesyuarat Perancangan Strategik dan Unit Kualiti serta Mesyuarat Kesepakaran. Sebagai contoh, Laporan TESA yang disediakan oleh Pengerusi Jawatankuasa PROPENS dibentangkan oleh Timbalan Dekan Akademik dalam Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF) bagi memastikan penambahbaikan dibuat di setiap peringkat pusat pengajian terhadap konstruk-konstruk yang terdapat dalam TESA. (Bukti 4.4.3.2 Laporan TESA dan Bukti 4.4.3.3 Petikan Minit Mesyuarat JAF). Dalam aspek PdP, hasil laporan CDL-CQI dibawa ke peringkat Pusat Pengajian untuk tindakan pertambahbaikan, contohnya dalam penyediaan semakan silibus (Bukti 4.4.3.4 Laporan Ringkas CDL-CQI FSPU 2020).

Pemantauan pencapaian juga dilakukan oleh unit kualiti melalui audit dalaman dan luaran serta unit perancangan strategik fakulti. Laporan pencapaian objektif/dapatkan audit kualiti, dan status pencapaian sasaran BTU turut dibentangkan pada pihak pengurusan bagi mengesahkan semakan terhadap pelaksanaan dan pencapaian fakulti. Setiap input dan hasil analisa juga diwar-warkan kepada seluruh warga FSPU melalui mesyuarat di peringkat pusat pengajian dan fakulti serta menerusi Amanat Bersama Dekan. Secara keseluruhan, pelaksanaan pemantauan pencapaian dan penambahbaikan prestasi yang komprehensif di FSPU dilaksanakan untuk membantu pencapaian KPI UiTM dan KPI fakulti dengan lebih efektif (Bukti 4.4.3.5 Proses penggunaan hasil data untuk penambahbaikan prestasi bidang tumpuan)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [4.4.3.1 Proses pemantauan Pencapaian dan Penambahbaikan\\_compressed.pdf](#)
2. [4.4.3.2 Laporan TESA Okt 2020-Feb 2021.pdf](#)
3. [4.4.3.3 Petikan Minit JAF bagi Pelaporan TESA.pdf](#)
4. [4.4.3.4 Laporan Ringkas CDL-CQI Feb 2021-compressed.pdf](#)
5. [4.4.3.5 Proses penggunaan hasil data untuk penambahbaikan prestasi bidang tumpuan.pdf](#)

## **4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

### **Pengukuran, Analisa Dan Pengurusan Pengetahuan Pembelajaran**

Penganalisaan data menurut pelbagai indikator yang telah dinyatakan merupakan asas untuk membuat penilaian prestasi dan pencapaian Fakulti di dalam bidang PdP. Hasil penganalisaan yang diperolehi dibentangkan di peringkat Pusat Pengajian dan Fakulti untuk dirujuk oleh semua pihak bagi penambahbaikan PdP (Bukti 4.5.1 Proses Keseluruhan Pengukuran dan Penilaian, Pembentangan Analisa dan Penambahbaikan). Khususnya, Mesyuarat Unit Perancangan Strategik telah menghasilkan PI Achievement Report (Laporan Penunjuk Sasaran 2019 dan 2020) dan beberapa langkah telah diambil bagi proses penambahbaikan untuk tahun 2021.

### **Penambahbaikan Dan Inovasi**

Tahun 2020 melibatkan beberapa unit khas kumpulan PI (*Performance indicator*). Cabaran penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik COVID-19 telah mendorong pihak peneraju membuat ke atas OD (*Operation Definition*) PI yang terbabit. Maka wujudlah OD interim bagi pihak PTJ mencapai sasaran PI perancangan strategik yang telah ditetapkan oleh pihak Fakulti dan UiTM.

Bagi mengekalkan kualiti dan meningkatkan prestasi PdP, kaedah pengurusan telah diubah untuk kesesuaian secara ODL. Medium pelaksanaan PdP berubah kepada penggunaan Platform yang lebih sesuai dan terkini, mudah diakses oleh tenaga pengajar dan pelajar serta pentadbir. Penggunaan platform seperti *U-Future*, *Google Classroom*, *Google Form*, *Zoom*, *Webex*, *WhatsApp* dan lain-lain pada tahun 2020 amat menggalakkan dan terbukti penggunaannya berkesan (Bukti 4.5.2 Analisa TESA) kerana tidak melumpuhkan perjalanan/proses PdP malahan memberi ruang inovasi PdP untuk berkembang. Implementasi Inovasi dan pertambahbaikan PdP di Fakulti merangkumi:

- i. Penilaian bagi subjek berteraskan '*Exam*' dan '*Non Exam*' menggunakan kaedah dalam talian seperti GMeet, Zoom, Webex
- ii. Penggunaan platform maya oleh tenaga pengajar untuk penyediaan soalan peperiksaan dan penghantaran skrip jawapan oleh pelajar dari keselesaan rumah dengan syarat-syarat tertentu seperti pemakaian wajib Turnitin (Bukti 4.5.3 Laporan Turnitin).
- iii. Penggunaan Kaedah penilaian berterusan seperti *Online Quiz: Kahoot, uFuture*; *Online presentations: Live via Google Meet, Zoom, Webex, Facebook/IG; Video presentations: Youtube, Powtoon, Narrated powerpoints*
- iv. Pelaksanaan Latihan Amali melalui *Online presentations: Live via Google Meet, Zoom, Webex; Video presentations: Youtube, Powtoon, Narrated powerpoints*

Inovasi penambahbaikan yang dilakukan termasuk melaksanakan *on-line workshop* bersama pihak profesional industri tempatan dan antarabangsa yang terbukti selamat dan efektif, dalam menghadapi cabaran pandemik COVID-19

### **SENARAI BUKTI :**

1. [4.5.1 Proses Keseluruhan Pengukuran dan Penilaian, Pembentangan Analisa dan Penambahbaikan.pdf](#)
2. [4.5.2 Laporan TESA.pdf](#)

3. [4.5.3 Laporan Turnitin.pdf](#)

## **KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA**

### **5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

#### **Perancangan**

Berteraskan slogan ***Generations of Professional Excellence*** FSPU memberikan penekanan dan sentiasa peka terhadap proses PdP di mana ke semua staf (akademik dan bukan akademik) memainkan peranan utama bagi menjayakan PdP yang berkesan dan berinovasi. Dalam pandemik COVID-19 transformasi daripada suasana PdP bersemuka kepada atas talian, FSPU tetap memastikan warga akademik dan bukan akademik melibatkan diri secara menyeluruh dalam usaha mencapai penunjuk prestasi yang ditetapkan. Dalam menjayakan transformasi terhadap PdP kearah lebih inovasi, perancangan yang optima terhadap sumber manusia memainkan peranan utama dalam kejayaan FSPU. Perancangan yang sistematis terhadap sumber manusia merupakan elemen penting di dalam organisasi FSPU. Ini memastikan kejayaan perancangan strategik yang telah dirancang tercapai demi menjayakan amalan PdP yang berkesan serta berinovasi.

Perancangan dengan menggerakkan inisiatif strategik FSPU melalui penyusunan struktur pengurusan hal ehwal akademik dan pelajar mengikut kesesuaian tugas dan tanggungjawab yang dikhushuskan. Pengoptimam kepakaran pihak pengurusan atasan dan koordinator fakulti serta pensyarah dioptimakan bagi menjayakan program yang di rancang. FSPU merancang pendekatan melalui pembangunan kepimpinan sumber tenaga kerja serta tadbir urus yang terancang. Pelbagai inisiatif telah dirancang, ***Perancangan 3R (Recognition, Reward & Responsibility), Triple Double (T<sup>3</sup>D<sup>2</sup>) and Mentor-Mentee*** telah diberikan tumpuan terhadap sumber manusia warga FSPU untuk merancang program yang sejajar dengan perancangan strategik FSPU. Ini bertujuan mengenalpasti potensi warga FSPU bagi pemerkasaan PdP yang berkualiti serta berinovasi. Persekutaran profesional di dalam sumber tenaga kerja dan penilaian juga dirancang dengan pencapaian yang ditetapkan. Kompetensi staf akademik diukur dengan penglibatan staf akademik dengan badan-badan professional. Kelayakan professional dan kompetensi staf FSPU sebagai pakar rujuk kepada pihak luar menjadikan FSPU visibiliti secara global samada di peringkat dalaman, nasional dan international. Penghargaan sumber tenaga kerja turut di rancang bagi meraih dan menghargai kejayaan dan pencapaian warga FSPU sepanjang tahun. Beberapa jenis anugerah khas turut diketengahkan sempena pandemik COVID -19 bagi untuk melihat transformasi dan inovasi dalam PdP

#### **Perlaksanaan**

Bagi mencapai sasaran perancangan, FSPU telah melaksanakan pemerkasaan pengoptimaan kepakaran dan pengalaman sumber manusia bagi proses PdP. Perlaksanaan struktur latihan, kursus dan seminar yang bersesuaian dilaksanakan bagi menambahbaik kualiti PdP. Perlaksanaan dengan memperluaskan kompetensi dalam proses PdP juga dapat dilihat dengan perlaksanaan kolaborasi dan mobiliti staf FSPU secara global. Selain daripada itu, penetapan sasaran yang dirancang dalam melaksanakan PdP yang berkualiti dan berinovasi dengan melalui program ***Triple Double (T<sup>3</sup>D<sup>2</sup>), projek Trek Profesional, Mentor-Mentee*** dan kolaborasi dengan universiti luar dilaksanakan. Ini selaras dengan perancangan strategik FSPU. Penyediaan ruang kerja dan fasiliti pengajaran yang kondusif juga merupakan satu perlaksanaan yang disediakan oleh FSPU bagi keselesaan

#### **Pemantauan**

Pemantauan yang berterusan juga dilaksanakan dengan mendapatkan maklum balas keaembiraan warqa fakulti serta menganalisa tahap kepuasan pelajar agar penambahbaikan

berterusan dapat dilaksanakan terhadap PdP. FSPU mewujudkan jawatankuasa khas iaitu Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan, Jawatankuasa Penilaian Akhir dan Jawatankuasa NOBLE bagi memantau Pengajaran Terbuka dan Secara Jarak Jauh.

### **Tindakan Penambahbaikan**

FSPU juga telah siapsiaga dengan perancangan dan tindakan serta penambahbaikan seperti: penambahbaikan capaian internet untuk warga FSPU bagi kelancaran PdP dan memperkuatkan kebolehupayaan staf FSPU dalam mengendalikan PdP dalam talian melalui bengkel perkongsian amalan pengajaran bagi meningkatkan pengaplikasian medium pengajaran yang lebih interaktif dalam PdP.

## **5.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Kaedah pengurusan sumber manusia untuk menjayakan PdP (Bukti 5.2.1 Jadual Teras Inisiatif PdP), terbahagi kepada tiga iaitu:

### **Pembangunan Kepimpinan Sumber Tenaga Kerja**

Melalui perancangan **3R (Recognition, Reward & Responsibility), Triple Double (T<sup>3</sup>D<sup>2</sup>), dan Mentor-Mentee**, FSPU sentiasa memberikan galakan dan peluang bagi semua kakitangan dalam mempertingkatkan pengetahuan kemahiran dan kompetensi melalui latihan dan program-program pembangunan insaniah seiring dengan visi dan misi FSPU. Pembangunan kepimpinan staf bagi memenuhi aspek PdP di FSPU tercapai dengan cara pemberian latihan dan kursus yang sesuai kepada staf akademik dan bukan akademik serta mengemaskini tadbir urus fakulti seperimana yang terdapat di dalam perancangan strategik. Pengambilan semula staf pencen yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam bidang masing-masing adalah merupakan satu perancangan yang dijalankan di FSPU bagi mengoptimalkan tenaga kerja dan secara tidak langsung pembangunan kepimpinan staf dalam bidang PdP tercapai. Disamping latihan dan kursus, pelbagai program juga telah dijalankan bagi staf akademik dan staf bukan akademik bagi memastikan PdP dapat dijalankan dengan berkesan dan kondusif. Antara Program yang dijalankan adalah Program Kemas Kasih FSPU 2019, bertujuan bagi menjadikan FSPU sebagai sebuah fakulti yang bersih dan mempunyai peralatan bengkel yang tersusun baik. Program ini telah dijalankan secara berperingkat kepada semua staf.

### **Persekuturan Profesional di Dalam Sumber Tenaga Kerja**

Bagi memastikan proses PdP di FSPU tercapai adalah melalui pendekatan persekitaran profesional seperti; i) Penglibatan dengan badan-badan professional. Selain itu, staf yang berdaftar dan mempunyai kelayakan profesional memerlukan “*Continuous Professional Development*” (CPD) seperti yang dikehendaki oleh badan profesional masing-masing, ii) Kolaborasi dengan universiti-universiti di dalam dan luar negara melalui lantikan pensyarah dari FSPU dan pensyarah dari universiti luar negara sebagai pemeriksa luar, penyelia, penasihat akademik dan lain-lain di dalam memberi khidmat nasihat bagi memastikan kemantapan silibus akademik yang telah ditetapkan; dan iii) Melantik pemeriksa luar dan panel industri untuk memberi khidmat nasihat bagi memastikan silibus yang diajar menepati garis panduan serta kriteria akreditasi yang ditetapkan oleh badan-badan profesional.

Justeru itu, melalui pendekatan persekitaran profesional di dalam sumber tenaga kerja ini secara tidak langsung dapat menzahirkan hubungan antara staf FSPU dengan pakar profesional dalam dan luar negara. Ianya dapat dilihat dengan termeterinya perjanjian MOU/MOA serta wujudnya mobiliti pelajar-pelajar dan staf. Staf akademik secara tidak langsung akan menjadi pakar rujuk dalam bidang-bidang tertentu melalui penglibatan mereka di dalam persekitaran profesional.

### **Penilaian dan Penghargaan Sumber Tenaga Kerja**

Kaedah penilaian terhadap sumber tenaga kerja FSPU dibuat melalui program *mentor-mentee* pensyarah (Bukti 5.2.2 Perlantikan Mentor-Mentee) dan SuFO secara atas talian yang diguna pakai oleh pelajar. Penilaian kepada tenaga kerja bagi memastikan peningkatan PdP staf juga adalah melalui kajian “*entrance and exit survey*”. Selain itu, FSPU juga menjalankan pemantauan profesionalisme pensyarah (PROPENS) pada setiap semester bagi menyokong penilaian SuFO yang dinilai oleh pelajar. Pada tahun 2020, “*Teaching Self-Assessment*”

(TESA) telah digunakan bagi menilai proses PdP staf.

Manakala bagi memastikan keberkesanannya produktiviti staf, pengurusan FSPU sentiasa menghargai setiap kecemerlangan prestasi, sumbangan, jasa serta khidmat yang diberikan oleh setiap warga melalui ‘Anugerah Perkhidmatan Cemerlang’, MAKEF dan pemberian insentif seperti anugerah, bonus, sijil dan surat penghargaan kepada staf yang telah melaksanakan amanah melebihi sasaran dan mencapai prestasi tenaga kerja yang telah ditetapkan di dalam MyATP dan LNPT (Bukti 5.2.3 FSPU *Newsletter* 2020).

**SENARAI BUKTI:**

1. [5.2.1 Jadual Teras Inisiatif PdP.pdf](#)
2. [5.2.2 Perlantikan Mentor-Mentee.pdf](#)
3. [5.2.3 FSPU Newsletter 2020.pdf](#)
- 4.
- 5.

### **5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

#### **1. Penyertaan Latihan, Kursus dan Seminar**

Pengoptimaan kepakaran sumber manusia bagi proses PdP, FSPU sentiasa menyokong staf akademik dan bukan akademik melalui penganjuran dan menggalakkan staf menghadiri kursus, bengkel dan latihan profesional samada dianjurkan oleh pihak fakulti, UiTM atau agensi luar. Staf akademik dan bukan akademik diwajibkan menjalani latihan yang berkaitan dengan minimum 42 jam setahun (Bukti 5.3.1 Peratusan Staf Yang Menghadiri Kursus).

Pada tahun 2019, staf akademik dan bukan akademik telah menghadiri pelbagai siri latihan, bengkel, kursus, seminar secara bersemuka bagi mengoptimakan tahap pengetahuan dan kepakaran. Namun, pada tahun 2020, disebabkan faktor pandemik COVID-19, penganjuran dan penyertaan semua kursus dilaksanakan dan dihadiri secara atas talian. Pengoptimaan pengetahuan dan kepakaran pelbagai bidang dapat dilaksanakan dengan inovasi platform yang pelbagai seperti *Google Meet, Webex, Zoom, FB Live, saluran Youtube* dan sebagainya. Penyertaan staf dalam pelbagai siri kursus dan latihan profesional, seminar, webinar, *professional talk*, sesi perkongsian PhD dan juga persidangan di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa. (Bukti 5.3.2 Bengkel dan Program yang dilaksanakan oleh pihak FSPU (anjuran dalaman dan kerjasama dengan agensi luar) sepanjang tahun 2019 & 2020)

#### **2. Perluasan Kompetensi Sumber Manusia dalam proses Pembelajaran dan Pengajaran**

Melalui perancangan **3R (Recognition, Reward & Responsibility), Triple Double (T<sup>3</sup>D<sup>2</sup>), dan Mentor-Mentee**, program penglibatan semua pensyarah FSPU adalah secara optimum. Ini termasuklah inisiatif meningkatkan kelayakan profesional pensyarah samada bagi badan professional dalaman ataupun luar negara. Pensyarah gred tinggi sebagai mentor, profesor dan pensyarah yang telah bersara, dilantik sebagai pensyarah sambilan, lantikan secara kontrak atau sebagai jemputan khas mengetuai program-program yang tertentu. FSPU telah mengambil langkah proaktif dengan menjalankan pelbagai program seperti mengadakan program kolaborasi akademik dengan universiti-universiti luar (dari dalam dan luar negara) dan siri perkongsian syarahan oleh jemputan luar (emain industri, alumni, pemeriksa luar industri, antarabangsa dan akademik). Pelaksanaan program ini sebagai platform yang efektif kerana pelajar dapat menerima perkongsian ilmu profesional secara langsung (Bukti 5.3.3 Program Anjuran FSPU).

Pada tahun 2019, perlaksanaan PdP dijalankan secara bersemuka di mana aktiviti PdP terhad kepada penglibatan pensyarah dan pelajar sahaja. Namun, pada tahun 2020, terdapat perubahan kepada perlaksanaannya. FSPU telah menjalankan proses PdP secara *Open-Distance Learning (ODL)* (Bukti 5.3.4 Lampiran Laporan Aksesibiliti Pelajar terhadap Perlaksanaan PdP secara atas talian dan pengajaran jarak jauh – April 2020). Pengajaran dan penilaian pelajar dijalankan secara atas talian dengan perlaksanaan kaedah hibrid iaitu Kuliah 3A dan 3B (Bukti 5.3.5 Persediaan Kuliah: Permohonan Bagi Penggunaan Studio dan Proses Sanitasi). Bagi pengoptimaan dan perluasan sumber manusia dalam proses PdP, pelbagai program kerjasama dengan pihak luar (industri, alumni, agensi kerajaan dan swasta, universiti-universiti lain dari dalam negara dan antarabangsa) dilaksanakan secara atas talian. Terdapat inisiatif tambahan dalam penyediaan bahan PdP, di mana staf melakukan inovasi melalui perkongsian rakaman video mengenai latihan, tutorial peralatan bengkel dan makmal di saluran Youtube. Penglibatan dalam PdP secara hibrid secara meluas dan merangkumi penyertaan ramai pihak secara global. Dengan perluasan dan pengoptimaan sumber manusia,

secara tidak langsung memenuhi keperluan pengiktirafan dan akreditasi oleh badan-badan profesional terutamanya dalam aspek penilaian pelajar.

### **3. Ruang dan Fasiliti**

Bagi menampung keperluan sumber manusia dalam perlaksanaan PdP, ruang kerja dan pengajaran yang kondusif adalah diperlukan. FSPU telah menyediakan ruangan dan fasiliti yang selesa melalui penyediaan ruang fizikal seperti bilik pensyarah yang selesa, bilik rehat pensyarah, ruang studio dan kelas yang luas dan mencukupi, perpustakaan, makmal-makmal komputer dan bengkel-bengkel yang mampu membantu dalam pengoptimaan sumber manusia dalam proses PdP.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [5.3.1 Peratusan Staf Yang Menghadiri Kursus.pdf](#)
2. [5.3.2 Bengkel dan Program yang dilaksanakan oleh pihak FSPU \(anjuran dalaman dan kerjasama dengan agensi luar\) sepanjang tahun 2019 & 2020.pdf](#)
3. [5.3.3 Program Anjuran FSPU.pdf](#)
4. [5.3.4 Lampiran Laporan Aksesibiliti Pelajar terhadap Perlaksanaan PdP secara atas talian dan pengajian jarak jauh – April 2020.pdf](#)
5. [5.3.5 Persediaan Kuliah- Permohonan Bagi Penggunaan Studio dan Proses Sanitasi\\_compressed.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

FSPU menjalankan pemantauan dalam memastikan pengurusan prestasi FSPU berada di tahap terbaik dan mencapai sasaran yang ditetapkan (Bukti 5.4.1.1 Pelan Pemantauan Perancangan Strategik) iaitu:

#### **PENGURUSAN TERTINGGI**

- i. Mengadakan perancangan dan sasaran berdasarkan Perancangan Strategik FSPU 2016-2020. (Bukti 5.4.1.2 PI Achievement Report)
- ii. Penganugerahan ke atas staf akademik, staf pentadbiran, pusat pengajian dan Anugerah Open Distance Learning dalam Majlis Kecemerlangan Fakulti (MAKEF).
- iii. Memantau jumlah ketidakhadiran pelajar semasa pembelajaran secara ODL (Bukti 5.4.1.3 Analysis FSPU ODL NEW STUDENT OCT2020)
- iv. Penilaian laporan dan analisis pengendalian kuliah oleh setiap Ketua Pusat Pengajaran.
- v. Mewujudkan Jawatankuasa Khas Pemantauan dan Penganalisa Pelaksanaan Pengajaran Terbuka dan Secara Jarak Jauh daripada Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan, Jawatankuasa Penilaian Akhir dan Jawatankuasa NOBLE. (Bukti 5.4.1.4: Jawatankuasa Khas Pemantauan dan Penganalisa Pelaksanaan Pengajaran ODL)
- vi. Setiap pusat pengajian melantik pemeriksa luar dan panel industri untuk memberi khidmat nasihat dalam memastikan silibus oleh setiap pusat pengajian menepati kriteria yang ditetapkan.
- vii. Badan profesional bagi setiap pusat pengajian akan menilai silibus dan pelaksanaan ODL agar memenuhi syarat yang digariskan.
- viii. *Happiness Index* dipantau dalam memastikan tahap kegembiraan staf FSPU berada dalam tahap yang terbaik. (Bukti 5.4.1.5: Laporan Infografik UHI3.0 FSPU)

#### **STAF AKADEMIK**

- i. Pensyarah dikehendaki menyerahkan laporan pengendalian kuliah secara ODL kepada Ketua Pusat Pengajaran dan maklumbalas untuk setiap penyertaan dalam aktiviti, latihan, konferensi yang terbabit.
- ii. Memastikan setiap pensyarah mengikuti aktiviti yang dianjurkan oleh badan profesional bagi mengekalkan keahlian mereka.
- iii. Pelaksanaan pemantauan Profesionalisme Pensyarah (PROPENS), *Teaching Self-Assessment* (TESA) dan Penilaian Kendiri terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran oleh staf akademik.
- iv. Memastikan setiap pensyarah menyediakan *teaching portfolio*.
- v. Memastikan setiap pensyarah mengikuti latihan yang diperlukan.
- vi. Penilaian oleh pelajar melalui *Entrance & Exit Survey* (EES) dalam menambahbaik sistem pengajaran dan pembelajaran.

- vii. Penilaian melalui SuFO untuk meningkatkan kualiti aktiviti pengajaran dan pembelajaran.
- viii. Penilaian melalui CDL-CQI untuk memantau dan menyemak kualiti pengajaran.

## **STAF BUKAN AKADEMIK**

1. Memastikan setiap staf pentadbiran menyediakan Fail Meja untuk tugas mereka.
2. Staf pentadbiran menyerahkan laporan dan maklumbalas untuk setiap penyertaan dalam aktiviti, latihan, konferensi yang terbabit.
3. Sistem log kerja oleh staf pentadbiran dalam membantu kelancaran pengurusan pentadbiran fakulti.
4. Staf teknikal membantu dari segi alat bantuan mengajar seperti pembuatan video dan penggunaan peralatan *lab*

## **SENARAI BUKTI:**

1. [5.4.1.1 PI Achievement Report UiTM by FSPU \(2020\).pdf](#)
2. [5.4.1.2 Analysis FSPU ODL NEW STUDENT OCT2020.pdf](#)
3. [5.4.1.3 Jawatankuasa Khas Pemantauan dan Penganalisa Pelaksanaan ODL\\_compressed.pdf](#)
4. [5.4.1.4 Laporan Infografik UHI3.0 FSPU.pdf](#)
- 5.

#### **5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Pengurusan risiko diperlukan bagi memastikan setiap permasalahan mempunyai pelan tindakan strategik. Warga FSPU yang terlibat dikenalpasti untuk membantu pengajaran dan pembelajaran secara ODL agar dapat dilaksanakan dengan baik tanpa memberi impak yang negatif kepada pelajar serta keseluruhan sistem pengurusan akademik. (Bukti 5.4.2.1 Slide Pembentangan ODL Feedback MPP FSPU)

Antara risiko yang dikenalpasti ialah tahap capaian internet oleh staf akademik dalam menjalankan PdP. FSPU telah menjalankan survei bukan sahaja ke atas pelajar, malah turut dijalankan ke atas staf akademik untuk mengetahui tahap capaian internet semasa PdP dilaksanakan. Melalui dapatan survei tersebut menunjukkan staf akademik juga turut menghadapi kekangan capaian Internet dalam melaksanakan PdP. Oleh itu, staf akademik diberi kebenaran untuk menggunakan medium ODL yang mempunyai capaian data yang rendah seperti *Telegram* dan *WhatsApp*.

Risiko kebolehjangkitan virus COVID-19 kepada staf yang berada di FSPU, menjadi suatu agenda yang perlu dititikberatkan. Oleh itu, FSPU menubuhkan AJK Task Force Covid 19 FSPU untuk menyediakan Garis Panduan Standard Operation Procedures (SOP) untuk pelajar, staf dan kontraktor pembekal bagi memantau ancaman COVID-19 di FSPU (Bukti 5.4.2.2: Garis Panduan SOP Task Force COVID-19 Surau & Cafe SALAM). Selain itu juga, FSPU turut menyediakan termometer dan hand sanitizer di kaunter pejabat, meletakkan tanda garis penjarakan sosial di lantai kaunter pejabat dan QR code scan (Bukti 5.4.2.3: Perintah Melaksanakan Langkah Pencegahan COVID-19).

Dalam sesi PdP ini, staf akademik menghadapi kekangan untuk menggunakan medium pengajaran yang interaktif kepada para pelajar. Oleh itu, FSPU telah menyediakan kursus berteraskan teknologi maklumat kepada pensyarah bagi menambah baik medium pengajaran dan meningkatkan kemahiran pensyarah dalam penggunaan aplikasi serta perisian.

Di samping itu, risiko terhadap pemahaman pelajar yang kurang mendalam dalam sesuatu subjek sewaktu proses PdP. Untuk mengatasi permasalahan ini, staf akademik perlu memastikan pengendalian kuliah direkodkan agar boleh diulang tayang semula oleh pelajar atau link recording di beri kepada pelajar selepas kuliah tamat (Bukti 5.4.2.4 *Link recording* di U-FUTURE).

Selain itu juga, risiko terhadap kemampuan dalam kalangan pelajar dan pensyarah dalam menangani keupayaan mental dan fizikal dalam sesi PdP. Pemantauan secara berkala terhadap perjalanan tugas hakiki pensyarah dan memberi ruang kemudahan dan kebebasan kepada pensyarah dan pelajar untuk mengadakan kelas mengikut keupayaan / kemampuan serta kreativiti masing-masing dalam memastikan kandungan kursus dapat disampaikan sepenuhnya secara berterusan dan efisien.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [5.4.2.1 Slide Pembentangan ODL Feedback MPP FSPU.pdf](#)
2. [5.4.2.2 Garis Panduan SOP Task Force COVID-19 Surau & Cafe SALAM.pdf](#)
3. [5.4.2.3 Perintah Melaksanakan Langkah Pencegahan Covid-19.pdf](#)
4. [5.4.2.4 Link recording di U-FUTURE.pdf](#)

#### **5.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Staf akademik dan staf bukan akademik menggembung tenaga untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran secara ODL dapat dilaksanakan di tahap yang terbaik. Pencapaian petunjuk prestasi (PI) (Bukti 5.4.3.1 PI Achievement Report UiTM by FSPU 2019) dan perjalanan Projek Tindakan Strategik FSPU diteliti semula bagi melihat sejauh mana keberkesanan perancangan yang telah dibuat dan melakukan penambahbaikan ke atas pelan tindakan yang diambil (Bukti 5.4.3.2 Pelan Pemantauan Perancangan Strategik FSPU).

Setelah mengambil kira capaian data internet oleh pelajar, staf akademik diberi pilihan untuk memilih medium yang bersesuaian dalam pelaksanaan ODL agar pelajar tidak ketinggalan dalam mengikuti sesi kuliah yang dijalankan. (Bukti 5.4.3.3 Survey Feedback ODL AP246). Selain itu, bagi kumpulan staf akademik yang kurang mahir dalam mengendalikan kuliah secara interaktif, mereka dibolehkan menggunakan medium *WhatsApp*, *Chat* dan *Telegram*, manakala kumpulan yang lebih mahir, mereka boleh menggunakan medium *Google Meet*, *Google Classroom* dan *Microsoft Team*.

FSPU turut menambahbaik dari segi kualiti pengajaran di kalangan staf akademik dengan mengadakan bengkel perkongsian amalan pengajaran bagi kumpulan pensyarah yang kurang mahir, supaya kumpulan ini tidak ketinggalan dan membolehkan mereka dapat mengaplikasikan medium pengajaran yang lebih interaktif agar dapat menarik minat pelajar dalam suasana pembelajaran secara ODL.

Antara bengkel perkongsian amalan pengajaran ini termasuklah 5 kaedah medium pengajaran yang telah dilaksanakan untuk menambahbaik sistem pembelajaran secara ODL di FSPU:

- i. *Learning UFuture/Google Classroom Management System/Microsoft Team*
- ii. *Video Conferencing* (seperti *Google Meet*, *WEBEX*, *Zoom*),
- iii. *Live* (seperti *WhatsApp*, *Telegram*, *Chat*),
- iv. *Web 2.0* (seperti *Padlet*, *Trello*),
- v. *Media Sosial* (seperti *IG*, *FB*, *Youtube*).

Justeru, menjadi tanggungjawab setiap pusat pengajian untuk memantau dan seterusnya menambah baik kaedah pengajaran dan pembelajaran agar tidak memberi kesan negatif kepada pelajar dan staf yang terlibat. Dalam masa yang sama, staf bukan akademik turut membantu dalam memastikan segala urusan pentadbiran di FSPU berjalan dengan lancar. Staf teknikal turut membantu dari segi alat bantuan mengajar seperti pembuatan video dan penggunaan peralatan di bengkel dan juga makmal komputer.

Sebagai penghargaan kepada staf, FSPU memberi penganugerahan kepada staf akademik dan staf bukan akademik, anugerah untuk pusat pengajian, anugerah di bawah Unit Komunikasi Korporat & Pentadbiran dan Anugerah *Open Distance Learning* (ODL) yang terbaik dalam Majlis Kecemerlangan Fakulti (MAKEF) (Bukti 5.4.3.4 MAKEF).

**SENARAI BUKTI :**

1. [5.4.3.1 PI Achievement Report UiTM by FSPU \(2019\).pdf](#)
2. [5.4.3.2 Pelan Pemantauan Perancangan Strategik FSPU.pdf](#)
3. [5.4.3.3 Survey Feedback ODL AP246.pdf](#)
4. [5.4.3.4 MAKEF.pdf](#)

## **5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

FSPU melalui pendekatan dan perluasan pelbagai proses, penambahbaikan, pemantapan pembudayaan serta pengoptimaan tenaga sumber dalam PdP telah memberi impak yang besar dalam peningkatan inovasi perlaksanaan amalan PdP. Pendekatan yang strategik dari semua sumber manusia samada staff akademik ataupun bukan akademik telah mendorong ke arah PdP yang berinovasi cemerlang. Situasi pandemik COVID-19 telah memberi transformasi terhadap PdP, di mana keberkesanan daripada perancangan dan perlaksanaan tenaga sumber yang berkesan dilihat dari amalan pembudayaan norma baru dalam PdP. Penambahbaikan corak PdP tenaga pengajar dengan aplikasi informasi teknologidan e-pembelajaran secara menyeluruh terutama dalam era pandemik, inovasi penggunaan *ufuture*, *google classroom*, *zoom*, *webex*, *whatsapp*, *telegram* dan *Youtube* telah diperluaskan. Perlaksanaan *Massive Open Online Courses (MOOC)* dan *Micro Credential* FSPU dapat dilihat dari segi tahap perlaksanaan dan penglibatan pelajar FSPU (Bukti 5.5.1a Bilangan MOOC & Micro Credential & Youtube).

Penglibatan sumber tenaga bukan akademik melalui penghasilan pembelajaran “latihan makmal tanah” turut terlaksana. Perlaksanaan ini dapat dicapai bukan sahaja capaian untuk pelajar FSPU tetapi luar FSPU secara menyeluruh (Bukti 5.5.1b *Lab Training Youtube Channel*). Inovasi melalui *Knowledge Transfer Program* iaitu inovasi penglibatan pensyarah melalui kolaborasi webinar nasional dan international sebagai pakar rujuk serta peningkatan mobility dapat melonjakkan perancangan startegik FSPU (Bukti 5.5.2 Kolaborasi Webinar National, International & Bersama Panel Industri). Pelaksanaan penilaian pemeriksa luar dan juga penilaian inovasi pemarkahan pelajar (*industry judgement*) yang melibatkan gabungan kepakaran pensyarah dan kepakaran industri luar secara atas talian turut tercapai (Bukti 5.5.3 Pemeriksa Luar & Penilaian Pelajar Bersama Panel Industri Secara Maya). Kewujudan PdP secara hibrid, perlaksanaan kuliah 3B di mana PdP dijalankan serentak di dalam bilik kuliah secara bersemuka dan sebahagian pelajar di bilik asrama secara atas talian semasa pandemik COVID-19 melanda telah merupakan satu inovasi yang cemerlang yang dicapai oleh FSPU (Bukti 5.5.4 Kuliah 3B).

Justeru, penghargaan dan pengiktirifan diberi kepada staf FSPU bagi menghargai kecemerlangan dan memupuk budaya kerja harmoni. Budaya penghargaan yang diamalkan adalah: Majlis Anugerah Kecemerlangan Fakulti 2019 dan 2020. Pada tahun 2020, penghargaan khas telah diberikan kepada staf yang melaksanakan inovasi terhadap perlaksanaan PdP ODL. Bagi menyokong pelan strategik FSPU, pemakluman penghargaan ini juga telah diinovasikan dengan mewar-warkan kejayaan melalui email, website, *whatsapp* serta *e-Newsletter* FSPU dan boleh didapati melalui QR Code yang telah diperincikan (Bukti 5.5.5 MAKEF, *e-Newsletter* & QR Code).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [5.5.1a Bilangan MOOC & Micro Credential & Youtube & 5.5.1b Lab Training Youtube Channel.pdf](#)
2. [5.5.2 Kolaborasi Webinar National, International & Bersama Panel Industri .pdf](#)
3. [5.5.3 Pemeriksa Luar & Penilaian Pelajar Bersama Panel Industri Secara Maya.pdf](#)
4. [5.5.4 Kuliah 3B.pdf](#)
5. [5.5.5 MAKEF, e-Newsletter & QR Code\\_compressed.pdf](#)

## **KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI**

### **6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

#### **Perancangan**

Pembangunan PdP di FSPU perlu seiring dengan keperluan dan aspirasi dasar pendidikan Negara. Oleh itu, rujukan utama adalah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025. Selain itu, perancangan operasi PdP di FSPU juga berlandaskan Education 5.0@UiTM, Perancangan Strategik FSPU, Objektif Kualiti FSPU dan Pekeliling Akademik UiTM. Sejak dengan pertambahan enrolmen pelajar, pengiktirafan global dan kebolehpasaran graduan, FSPU telah meletakkan FSPU salah satu dasar kualiti di fakulti ini.

#### **Pelaksanaan**

Pelaksanaan PdP di Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur (FSPU) dilaksanakan secara sistematis. Kaedah PdP yang sesuai, efektif dan terancang beserta persekitaran pembelajaran yang kondusif untuk menghasilkan graduan yang berkualiti. Produk akhir dari proses PdP adalah graduan (pelajar berstatus TAMAT). FSPU mengenalpasti dua (2) proses utama yang menyokong keseluruhan pengajaran dan pembelajaran. Tindakan yang dilakukan adalah berlandaskan pelbagai manual dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh universiti. Melalui proses-proses ini, produk sampingan lain akan terhasil iaitu pelan pengajian, fail kursus, fail pengajaran, kertas soalan peperiksaan/penilaian, tesis penyelidikan, laporan CDL/CQI, Laporan SuFO, Laporan PROPENS/TESA, laporan audit, penilaian kendiri, laporan pemeriksa luar, pemeriksaan akreditasi dan keputusan peperiksaan.

#### **Pemantauan**

Untuk mencapai objektif UiTM, langkah proaktif telah diambil untuk memantau program-program di FSPU. Untuk memastikan keutuhan dalam hal pembangunan, pengurusan, pentadbiran dan pelaksanaan PdP di FSPU, langkah pemantauan berkala melalui audit dalam SuFO, PROPENS/TESA dan Analisa CDL-CQI sentiasa dijalankan. Pemantauan dari panel industry, pemeriksa luar dan badan akreditasi sentiasa berjalan. Sepanjang tempoh PdP ODL, survei dijalankan di peringkat Pusat Pengajaran, MPP dan fakulti untuk mendapat gambaran secara holistik dari pelbagai sudut pandang tentang keadaan fizikal, kemudahan peralatan dan internet termasuk mental dan emosi pelajar. Hasil dapatan dianalisa untuk tindakan seterusnya.

#### **Tindakan Penambahbaikan**

Sinergi yang mantap antara unit Hal Ehwal Akademik dan pentadbiran yang efisien telah menyumbang kepada pencapaian akademik berterusan di FSPU. Kesemua program di FSPU telah mendapat pengiktirafan akreditasi badan professional, walaupun ketika mendepani cabaran COVID-19. Disamping itu, program di FSPU juga telah ditanda aras oleh institusi lain. Dapatan dari survei yang dijalankan oleh Pusat Pengajaran, MPP dan fakulti telah diambil tindakan untuk memperbaiki PdP di kalangan pelajar. Antaranya ialah sumbangan komputer riba untuk pelajar yang kurang berkemampuan dan perubahan dari segi penyampaian kuliah secara *synchronous* dan *asynchronous* agar dapat menyelesaikan masalah kekangan capaian internet dikalangan pelajar.



## **6.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Proses PdP di Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur adalah terbahagi kepada dua proses utama iaitu, proses di peringkat bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA) di bawah pimpinan Timbalan Dekan Akademik (TDA) dan proses di peringkat pentadbiran fakulti dibawah pimpinan Timbalan Pendaftar Kanan (TPK). Kedua-dua proses berjalan secara selari dan adalah amat penting dalam memastikan perjalanan Pengajaran dan Pembelajaran di FSPU berjalan dengan lancar. Kesinambungan operasi untuk memastikan kelancaran PdP di FSPU menunjukkan sumber rujukan dan peranan pihak yang bertanggungjawab dalam proses PdP di FSPU (Bukti 6.2.1 Kriteria Operasi PdP dan Bukti 6.2.2 Operasi PdP FSPU). Keberkesanan setiap proses kerja menjadi keutamaan FSPU, dan untuk itu pelbagai jawatankuasa telah diwujudkan untuk mencapai sasaran penunjuk pencapaian prestasi (“ *Key Performance Indicator*”). Kesemua proses dijalankan mengikut Prosedur Operasi dan Manual Kualiti FSPU (MK.UiTm.FSPU.01) bertarikh 3 Disember 2019. Antara prosedur yang digunakan termasuk Prosedur Jadual Waktu Kuliah, Prosedur Pendaftaran Kursus Pelajar, Prosedur Pengendalian Kuliah/Studio, Prosedur Makmal/Bengkel, Prosedur Pengendalian Kerja Kursus/Projek, Prosedur Pengendalian Disertasi/Tesis/Projek, Prosedur Penyediaan Kertas Soalan Peperiksaan, Prosedur Pengendalian Jadual Waktu Pengawasan Peperiksaan Akhir, Prosedur Pengendalian Peperiksaan Akhir, Prosedur Penilaian Peperiksaan Akhir, Prosedur Kemasukan Markah Peperiksaan, Prosedur Pengendalian Peperiksaan Khas, Prosedur Penyediaan Fail Kursus Dan Portfolio Pengajaran, Prosedur Pengendalian Latihan Praktik, Prosedur Lawatan Akademik Dalam Dan Luar Negara, Prosedur Pemantauan Profesionalisma Pensyarah dan Prosedur Pengurusan Plagiat (Bukti 6.2.3 Manual Kualiti ISO2015 dan Bukti 6.2.4 Senarai Prosedur Kualiti ISO2015).

COVID-19 yang mula melanda di hujung tahun 2019 dan menjadi pandemik sekitar Mac 2019 memaksa kaedah PdP sepenuhnya kepada Open and Distance Learning (ODL). FSPU memotivasi semua pensyarah untuk menggunakan kaedah yang sesuai untuk ODL untuk mencapai hasil setiap program. Kuliah atau interaksi dalam talian boleh dilakukan secara serentak (masa nyata) atau tidak segerak (masa tertunda). Kedua-dua interaksi tersebut digunakan dalam FSPU. Ufuture.uitm.edu.my adalah platform rasmi, sementara yang lain seperti *Microsoft Team* dan *Google Classroom* diterima. FSPU menggalakkan kaedah yang lebih fleksi dengan berani mencuba pelbagai aplikasi/teknologi semasa dan seterusnya hasil pembelajaran masih boleh dicapai oleh pelajar. Langkah-langkah ini dilaksanakan demi memenuhi keperluan badan akreditasi profesional untuk semua program. Demi memastikan urusan pengurusan pembelajaran pelajar berjalan lancar, langkah proaktif telah diambil oleh staf pengurusan dengan beberapa inisiatif Bekerja Dari Rumah (BDR). Antaranya ialah pengoperasian *digital filing system* dan minit log kerja.

Disamping itu, untuk terus memberikan galakan dan semangat, anugerah Majlis Kecemerlangan Fakulti (MAKEF) untuk staf dan Anugerah Dekan untuk pelajar telah dilaksanakan di tahun 2019 dan 2020 (Bukti 6.2.5 Penerima Anugerah MAKEF 2019). MAKEF khususnya memberi penghargaan kepada staf akademik dan bukan akademik yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam PdP, penyelidikan, keusahawanan, sukan dan khidmat pelanggan. Untuk MAKEF 2020, kategori baru untuk ODL diperkenalkan untuk memberi pengiktirafan kepada pensyarah yang telah menyediakan kandungan terbaik untuk kelas online mereka. Ianya dilihat mampu mencetus semangat staf akademik dan bukan akademik untuk melaksanakan tugas dengan cemerlang. Selain itu, penganugerahan bintang pencapaian keatas pusat pengajian turut dilaksanakan bagi mengiktiraf prestasi pelajar pusat pengajian masing-masing menerusi beberapa kategori pencapaian.

**SENARAI BUKTI:**

1. [Bukti 6.2.1 Rajah 6.1- Kriteria 6 PnP Operation.pdf](#)
2. [Bukti 6.2.2 Jadual 6.2 - Operasi PdP FSPU.pdf](#)
3. [BUKTI 6.2.3 MANUAL KUALITI ISO2015.pdf](#)
4. [BUKTI 6.2.4 LIST PROSEDUR KUALITI ISO2015.pdf](#)
5. [Bukti 6.2.5 Penerima Anugerah MAKEF 2019.pdf](#)

### **6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Cabaran dalam menempuh dugaan disebabkan krisis pandemik yang terus berlarutan ini telah memberi implikasi yang sangat besar kepada sistem pengurusan pentadbiran di FSPU. Keupayaan untuk terus berdaya saing dan operasi melibatkan pelbagai pihak bermula daripada pihak pengurusan atasan, peringkat pusat-pusat pengajian, pentadbiran dan staf teknikal meliputi kampus di Shah Alam dan Puncak Alam. Dengan kapasiti yang besar, sudah tentu pengoperasian yang cekap diperlukan bagi memastikan kelancaran di setiap kampus dapat beroperasi dengan mengikut punca kuasa dalam pengurusan yang telah ditetapkan.

Pengkalan data pelanggan adalah landasan dalam memperkuuhkan lagi kredibiliti dan potensi dalam pengoperasian di FSPU. Ia merupakan sistem simpanan data tersusun yang menghimpunkan maklumat berkaitan pelanggan untuk kegunaan pengurusan pentadbiran dalam memperkuuhkan sistem pengoperasian yang jitu bagi tujuan komunikasi dan penyampaian maklumat.

Data Pelanggan dikumpul dengan dua kaedah iaitu melalui data yang dikumpul dan di analisa oleh Unit Komunikasi Korporat (UKK). Pihak Unit Komunikasi Korporat dan Website FSPU menerima maklum balas dan aduan pelanggan melalui platform Digital dan melalui *Liaison* Unit. Antara Platform tersebut ialah laman media sosial, email dan juga maklum balas melalui liaison. Bagi penggunaan media sosial, pihak UKK mempunyai 2 laman utama iaitu Facebook "Fakulti Senibina Perancangan & Ukur dan Instagram 'Fspuitm'. Kedua-dua platform ini, merupakan maklum balas pelanggan diterima melalui Pesanan Langsung (*Direct Message*) yang dihantar ke Peti Mesej Selain itu, terdapat makluman atau Aduan dibuat secara Tagging di sesuatu page bagi mendapat sesuatu persoalan dan pertanyaan. Manakala melalui email, pelanggan di hubungi terus melalui email rasmi Unit korporat di [Korporat\\_fspu@uitm.edu.my](mailto:Korporat_fspu@uitm.edu.my). atau melalui *liaison* UKK yang dilantik di setiap Pusat Pengajaran. Setiap persoalan yang mereka perolehi dimaklum balas di dalam aplikasi kumpulan Whatsapp Rasmi UKK.

Semua maklum balas pelanggan ini sekiranya boleh diselesaikan segera, jawapan atau maklum balas segera terus diberikan. Manakala sekiranya memerlukan maklum balas daripada pihak yang lain, pihak UKK memaklumkan kepada pihak yang berkenaan untuk maklum balas sebarang persoalan tersebut. Selepas itu, ia dimaklumkan secara terus kepada pelanggan melalui medium yang digunakan. Semua rekod maklum balas tersebut kekal di atas talian dan direkodkan secara digital.

Bidang tumpuan pilihan adalah PdP yang mengkhususkan kepada era Pandemik COVID-19. FSPU sangat menitikberatkan profesionalisme dalam aspek pengurusan, hal ehwal akademik dan hal ehwal pelajar kerana kumpulan sasaran adalah gabungan staf akademik, staf bukan akademik dan pelajar. Kaedah yang dilaksanakan adalah dengan memberi tumpuan kepada Perancangan Strategik Fakulti ke arah pencapaian Objektif Kualiti serta memastikan inisiatif-inisiatif yang terkandung di dalam Perancangan Strategik Fakulti sejajar dan seiring dengan Misi, Visi Universiti (Bukti 6.3.1 FSPU\_Pelan Tindakan Strategik PdP 2016-2020 dan Bukti 6.3.2 Inisiatif FSPU).

Situasi pandemik COVID-19 yang semakin meruncing menyebabkan pergerakkan staf dihadkan untuk hadir secara fizikal ke pejabat. Pengoperasian kebanyakan dilakukan di rumah

secara maya. • Pengoperasian digital filing system seperti surat dan dokumen akan dimasuk secara terus dan dimasukkan ke *folder* yang telah ditetapkan (Bukti 6.3.3 Carta Alir *Digitalize Filing System*). Selain itu, penggunaan minit log kerja berdasarkan jadual dan arahan yang diberi dari masa ke semasa diminitkan melalui telefon pintar atau komputer riba (Bukti 6.3.4 Carta Alir Minit Log Kerja).

**SENARAI BUKTI :**

1. [Bukti 6.3.1 FSPU Pelan Tindakan Strategik PdP 2016-2020.pdf](#)
2. [Bukti 6.3.2 Inisiatif FSPU.pdf](#)
3. [Bukti 6.3.3 Carta Alir Digitalize Filing System.pdf](#)
4. [Bukti 6.3.4 Carta Alir Minit Log Kerja.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) secara Pendidikan Jarak Jauh Terbuka (*Open and Distance Learning*, ODL) telah ditawarkan di UiTM sejak tahun 1993 lagi tetapi tidak menyeluruh kepada semua program. Norma baharu disebabkan pandemik COVID-19 telah mengubah lanskap PdP. Hampir semua universiti termasuk UiTM memilih untuk mengadaptasi PdP secara ODL untuk hampir semua program yang ditawarkan. Pelbagai rintangan dan cabaran terpaksa ditempuhi oleh pensyarah dan pelajar bagi memastikan ODL ini berjaya dan pelajar tidak tercicir. (Bukti 6.4.1.1 Surat Pemakluman PKP 2020-Pelaksanaan Pengoperasian UiTM Dalam Tempoh PKP bagi Negeri\_Daerah Yang Dikenal Pasti)

Kepimpinan tertinggi UiTM/FSPU turut mengadaptasi norma baharu dalam PdP yang menjadi penggerak kepada pembelajaran ODL ini. Penglibatan pemegang taruh FSPU di dalam menjalankan dan menjayakan bidang tumpuan melibatkan proses-proses yang telah dibangunkan secara sistematik. Proses-proses ini dipantau bagi memastikan aktiviti-aktiviti dilakukan mengikut ketetapan. Seterusnya hasil pemantauan di kaji dan di ambil tindakan bagi menambahbaik proses-proses bidang tumpuan sedia ada dan merancang inisiatif masa hadapan (Bukti 6.4.1.2 FSPU\_Templat Pengumpulan Data Kaedah Penyampaian- AP225 dan Bukti 6.4.1.3 FSPU Laporan Minggu-1).

Terdapat pelbagai platform bagi memantau pelaksanaan PdP, samada secara langsung atau tidak langsung. Seperti contoh melalui Mesyuarat Akademik secara maya (*Webex, ZOOM, Microsoft Teams*) kepimpinan tertinggi FSPU dapat mengenal pasti keperluan, perlaksanaan, tindakan dan pencapaian sesuatu proses yang berkaitan dengan bidang tumpuan. Di peringkat pusat pengajian pemantauan pengurusan dan pembangunan staf diperolehi melalui analisa maklum balas SUFO, Laporan Penilaian Kendiri, laporan pemantauan profesionalisme pensyarah (PROPENS), laporan pemeriksa luar, laporan badan akreditasi dan sebagainya. Input dan maklum balas dari pelbagai platform ini telah digunakan untuk tindakan penambahbaikan bidang tumpuan (Bukti 6.4.1.4 FSPU TESA Report\_April 2020).

Audit juga merupakan satu platform yang telah dilaksanakan dan menyumbang secara langsung kepada maklum balas pemantauan dan penambahbaikan bidang tumpuan. Seperti contoh, audit Integrated Quality Management System (iQMS) yang melibatkan *Code of Practice for Institutional Audit* (COPIA) dan ISO 9001:2015 – Quality Management Systems. COPIA menggariskan 9 perkara yang perlu dipatuhi. Pematuhan kepada Perkara 5 Staf Akademik adalah berkait langsung dengan bidang tumpuan. Antara penekanan Perkara 5 adalah perhatian kepada pembangunan staf melalui keperluan latihan, keperluan sumber dan fasiliti, imbuhan dan sebagainya. Manakala pematuhan kepada ISO 9001:2015 telah membantu FSPU mentadbir proses bidang tumpuan, memperbaiki keberkesanan proses dan juga melaksanakan penambahbaikan berterusan dengan lebih efisien walaupun dengan norma baharu. (Bukti 6.4.1.5 Manual Kualiti ISO2015).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [Bukti 6.4.1.1 Pekeling Akademik Bil. 09-2020 - Pelaksanaan Pendaftaran Pelajar Baharu Sesi 1 2020-2021 Secara Dalam Talian.pdf](#)
2. [Bukti 6.4.1.2 FSPU\\_Templat Pengumpulan Data Kaedah Penyampaian.xlsx - AP225.pdf](#)
3. [Bukti 6.4.1.3 FSPU Laporan Minggu-1.docx.pdf](#)

- 4. [BUKTI 6.4.1.4 TOLU TEKARALI OTAI.pdf](#)
- 5. [BUKTI 6.4.1.5 MANUAL KUALITI ISO2015.pdf](#)

#### **6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Di dalam menggerakkan inisiatif strategi PdP, kepimpinan tertinggi FSPU sentiasa peka dan bersedia untuk mengurus risiko supaya PdP berjalan dengan lancar. Merujuk daripada pemakluman daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan kenyataan media Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertarikh 2 Oktober 2020 dan Pekeliling Naib Canselor Bil 24/2020 mengenai penangguhan pendaftaran secara fizikal/bersemuka pelajar baharu dan lama pada semester I 2020/2021 (Oktober 2020), semua pelajar dikehendaki meneruskan pengajaran dan pembelajaran secara ODL bagi semua kursus yang didaftar pada semester ini. Susulan daripada itu, bagi fakulti/kampus dan pelajar yang menjalani kursus yang berbentuk amali menghadapi kesukaran secara ODL, mereka terpaksa meneruskan pengajian secara teori secara ODL terlebih dahulu. Memandangkan keadaan penularan COVID-19 sukar dijangka dan kebenaran pelajar untuk kembali ke kampus adalah bergantung kepada arahan MKN, KKM dan KPT dari semasa ke semasa, keadaan ini menyukarkan pihak fakulti/kampus dan pelajar untuk meneruskan pengajian terutamanya bagi sesuatu kursus yang mempunyai keperluan pengajaran dan pembelajaran mendesak untuk dilaksanakan secara bersemuka.

Pelaksanaan Pengurusan risiko di FSPU bagi Kuliah 2A (ODL) dan Kuliah 3B (F2F) semasa tempoh PKP telah dikaji dan bincangkan di peringkat UiTM bagi memenuhi SOP yang telah ditetapkan oleh KPT (Bukti 6.4.2.1 Kuliah 3B, *Timeline and Procedures-Taklimat Kuliah 3B 20204*). Pelaksanaan Kuliah 2B hanya boleh dilaksanakan apabila status kawasan/negeri kediaman semasa/asal pelajar dan status di kawasan/negeri kampus asal/tumpang pelajar berada dalam keadaan risiko jangkitan yang rendah dan selamat berdasarkan kepada keadaan dari masa ke semasa. Kehadiran staf pentadbiran dan akademik ke fakulti adalah mengikut Pekeliling Naib Canselor Bil. 1/ 2021 bagi mengelakkan penularan COVID-19 (Bukti 6.4.2.2 Garis Panduan SOP TASK FORCE FSPU). Pelaksanaan kuliah dan aktiviti akademik adalah tertakluk kepada SOP yang telah digariskan oleh FSPU (Bukti 6.4.2.3 SOP semasa Khemah Ukur).

Pelan tindakan pengurusan risiko norma baharu di peringkat fakulti dipertanggungjawabkan kepada Unit Kualiti FSPU. Merujuk kepada Carta Organisasi Unit Kualiti FSPU, seorang Penyelaras Risiko Fakulti (PRF) telah di lantik bagi menyelesaikan risiko-risiko fakulti. PRF ini dibantu oleh wakil-wakil daripada setiap pusat tanggungjawab (PTJ) yang terdiri daripada pusat-pusat pengajaran dan unit-unit yang terdapat di dalam FSPU (Bukti 6.4.2.4 Carta Organisasi SOSCHO 2020-SALAM TASK FORCE COVID). Wakil-wakil PTJ bertanggungjawab mengenal pasti risiko-risiko di PTJ masing-masing. Seterusnya PRF akan menyeraskan risiko-risiko ini dan seterusnya pelaporan risiko akan disalurkan kepada pemilik risiko bagi mengambil tindakan lanjut.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [BUKTI 6.4.2.1 TAKLIMAT KULIAH 2B \\_TIMELINE AND PROCEDURES.pdf](#)
2. [Bukti 6.4.2.2 - Garis Panduan SOP TASK FORCE FSPU.pdf](#)
3. [BUKTI 6.4.2.3 SOP SEMASA KHEMAH UKUR.pdf](#)
4. [Bukti 6.4.2.4 Carta Organisasi soscho 2020-SALAM TASK FORCE COVID terkini.pdf](#)

#### **6.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

FSPU telah memulakan kuliah dan pembelajaran secara atas talian pembelajaran secara atas talian telah bermula 1 April 2020 supaya pelajar tidak ketinggalan dalam pembelajaran khususnya pelajar yang perlu bergraduan. Pelaksanaan pembelajaran atas talian ini memerlukan pelajar membina kemahiran pembelajaran sepanjang hayat. Pelajar diberi ruang untuk menyusun jadual pembelajaran sendiri, mencari bahan pembelajaran selain yang diberikan oleh pensyarah, menyusun waktu perbincangan bagi tugas berkumpulan, menentukan tarikh tutup pecahan kerja-kerja tugas kumpulan supaya boleh dilengkapkan sebelum tarikh tutup tugas, serta membuat pelbagai keputusan yang memerlukan kemahiran penyelesaian masalah seperti masalah internet yang tidak stabil atau lemah, kawan kumpulan tugas yang tidak ada akses internet, laptop dan speaker bermasalah, dan sebagainya. Pensyarah akan mengemaskini laporan mingguan PdP dalam templat yang disediakan untuk memantau kaedah dan kehadiran pelajar (Bukti 6.4.3.1 Laporan PdP Week 3 AP246 Semester 20204)

FSPU sentiasa komited dan secara konsisten melihat peluang dan melakukan penambahbaikan berterusan bagi mencapai visi, misi dan objektif fakulti serta visi dan misi universiti. Pihak pengurusan fakulti dan seluruh warga fakulti maklum bahwa persekitaran dalaman dan faktor luaran banyak mempengaruhi perjalanan serta pengurusan fakulti terutamanya yang berkaitan bidang tumpuan. Pemantauan dilaksanakan melalui beberapa siri survei dari semasa ke semasa bagi mengenal pasti masalah di kalangan pelajar dan pensyarah. Ini membolehkan penambahbaikan dilakukan secara bersasar dan lebih sistematik. Pemantauan dilakukan dari pelbagai pihak berkepentingan seperti BHEA FSPU (Bukti 6.4.3.2 Pembentangan Masalah ODL FSPU JUN 2020), MPP (Bukti 6.4.3.3 Dapatan Kajian MPP Dan Tindakan FSPU) dan pihak Pusat Pengajian masing-masing (Bukti 6.4.3.4 AP246 *Analysis on Experience of ODL*). Ini membolehkan pandangan yang holistik dari sudut pandang pengurusan fakulti, pelajar dan maklumbalas telus terhadap pensyarah mengajar dapat diperolehi untuk tujuan penambahbaikan.

Selain dari itu, pemantauan berkala melalui audit dalam SuFO, PROPENS/TESA dan Analisa CDL-CQI berjalan seperti biasa samada sebelum mahupun sepanjang pandemic COVID-19. Kesemua dapatan dianalisa dan menjadi sumber rujukan untuk penambahbaikan oleh pensyarah dan Pusat Pengajian dan seterusnya FSPU untuk mempertingkatkan keberkesanan PdP (Bukti 6.4.3.5 Analisa CDL-CQI SUMMARY\_JULY2020\_PP Senibina Dalaman (AP247)).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [Bukti 6.4.3.1 Laporan PdP Week 3 AP246 Semester 20204.pdf](#)
2. [BUKTI 6.4.3.2 PEMBENTANGAN MASALAH ODL FSPU JUN 2020.pdf](#)
3. [Bukti 6.4.3.3 Dapatan Kajian MPP Dan Tindakan FSPU.pdf](#)
4. [Bukti 6.4.3.4 AP246 Analysis on Experience of ODL.pdf](#)
5. [BUKTI 6.4.3.5 ANALISA CDL-CQI SUMMARY JULY\\_2020.pdf](#)

## **6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Pencapaian yang telah ditunjukkan sepanjang tahun 2019 dan 2020 iaitu sebelum dan semasa pandemic COVID-19 menunjukkan walaupun di depani pelbagai kesukaran dan cabaran dalam melaksanakan PdP, FSPU telah menghasilkan pelbagai inovasi dikalangan kakitangan akademik dan bukan akademik.

Sepanjang tempoh PKP, kebanyakkan pengoperasian pejabat dilakukan di rumah. Sekiranya hadir di pejabat, SOP perlu dipatuhi. (Bukti 6.5.1 Carta Alir *Digitalize Filing System*).

Kebanyakkan surat atau dokumen dilakukan secara digital filing system bagi memudahkan maklumat disampaikan dan direkod melalui pegawai yang dipertanggungjawabkan (Bukti 6.5.2 Garis Panduan SOP TASK FORCE COVID19 surau \_ cafe SALAM\_PALAM). Selain itu, mesyuarat pengurusan dan kelas-kelas pengajaran serta pembelajaran dilakukan melalui dalam talian seperti aplikasi *Webex, Google Meet, zoom, Microsoft Team* dan sebagainya.

Para pelajar FSPU digalakkan untuk terus dedikasi terhadap ilmu yang dipelajari melalui subjek-subjek yang diajar secara maya. Mereka terkehadapan dengan penglibatan aktif dalam melalui program dan aktiviti seperti webinar dan pengkomersilan, serta memenangi pertandingan inovasi (Bukti 6.5.3 Pencapaian Pelajar)

Pensyarah FSPU telah mempertingkatkan kemahiran pembelajaran maya dengan menghasilkan kandungan PdP yang inovatif. Ini terbukti dengan kemenangan pensyarah FSPU dalam Anugerah Open and Distance Learning di peringkat UiTM pada September 2020 (Bukti 6.5.4 Anugerah\_ODL2020\_Sep2020). Pada tahun 2019, pensyarah FSPU telah menghasilkan tiga (3) program MOOC (Enrolmen pelajar seramai 4143 orang). Pada tahun 2020 pula, FSPU telah membangunkan 3 lagi MOOC dengan 5137 enrolmen pelajar. Pensyarah juga dilatih secara online untuk memantapkan PdP dan menghasilkan kandungan maya berupa *Video presentations: Youtube, Powtoon, Narrated powerpoints* dan berbagai lagi. Untuk memotivasi pensyarah, sijil pembangun kandungan maya telah dianugerahkan oleh BHEA FSPU sebagai penghargaan atas usaha mereka (Bukti 6.5.5 ODL2020 Sijil Penghargaan AP246 EZLINA BCM663).

FSPU telah mengambil langkah proaktif dalam pelaksanaan PdP dengan memastikan sinergi dari kepakaran staf akademik, kelancaran pentadbiran dan Kerjasama dari pelajar. Gabungan silibus yang mantap dan telah mendapat pengiktirafan badan professional untuk setiap program dan pemantauan dari pelbagai sudut (Audit, pemeriksa luar, PROPENS/TESA, SuFO, laporan akreditasi, CDL-CQI) telah memastikan semua staf di FSPU menjadi kreatif dalam memastikan PdP berjalan lancer, efisien dan memberi impak terbaik kepada pelanggan utama, iaitu pelajar. Budaya bekerja yang efisyen dengan pemantauan kendiri yang telah diterapkan sepanjang tempoh pandemic pasti akan memantapkan lagi PdP di FSPU pada masa akan datang.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [Bukti 6.5.1 Carta Alir Digitalize Filing System.pdf](#)
2. [Bukti 6.5.2 GARIS PANDUAN SOP TASK FORCE COVID19 surau \\_ cafe SALAM\\_PALAM.pdf](#)
3. [BUKTI 6.5.3 PENCAPAIAN PELAJAR.pdf](#)
4. [Bukti 6.5.4 Anugerah\\_ODL2020\\_Sep2020.pdf](#)
5. [Bukti 6.5.5 ODL2020 Sijil Penghargaan AP246 Ezlina BCM663.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.1 HASIL UTAMA 1**

Hasil Utama 1 memberi tumpuan kepada tahap kepuasan pelanggan yang diterjemahkan melalui penilaian ODL dan diasimilasikan dengan garis panduan dan standard FSPU, UiTM, badan profesional dalam dan luar negara.

#### **7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

##### **Tahap Pencapaian (Level)**

FSPU terdiri daripada program berdasarkan rekabentuk (design-based) dan program bukan berdasarkan rekabentuk (non-design based). Ini melibatkan formula penekanan yang berbeza dalam penilaian berdasarkan Bloom's Taxonomy Domain iaitu Cognitive, Affective dan Psychomotor yang perlu diselaraskan dengan kaedah PdP ODL dan/atau hibrid (gabungan ODL dan Face-to-Face, F2F).

Keberkesanan kaedah Penilaian ODL terbukti apabila prestasi akademik FSPU meningkat secara keseluruhan, melebihi sasaran Objektif Kualiti FSPU. Perubahan ketara terhadap proses dan elemen penilaian adalah pertukaran 60% Peperiksaan Akhir kepada Penilaian Akhir. Ini memberikan fleksibiliti kepada pensyarah dan pelajar untuk menjalani pengalaman pembelajaran yang lebih holistik berbanding sebelum pelaksanaan PdP ODL secara menyeluruh. Hasilnya, peratus pelajar lulus meningkat sebanyak 1.96% hingga 4.65%; dan peratus pelajar gagal menurun sebanyak 0.19% secara purata.

##### **Tren (Trend)**

Analisa Keputusan Peperiksaan FSPU 2019-2020 menunjukkan trend positif secara keseluruhan. Bilangan pelajar gagal menurun, manakala bilangan pelajar GOT, penerima Anugerah Naib Canselor, penerima Anugerah Dekan serta HPNG pelajar bergraduat melebihi 3.50 meningkat.

Elemen lain yang memberi kesan positif adalah fleksibiliti penjadualan kuliah yang membolehkan mobilisasi pelajar dan proses mitigasi risiko COVID-19 di kampus. Sesi Kuliah 3B telah membenarkan sesi F2F diadakan di kampus, di mana persediaan dan penilaian projek akhir pelajar dibuat secara bersemuka bagi kursus yang memerlukan kemudahan studio, bengkel dan makmal seperti Rekabentuk dan Ukur Kejuruteraan. Ini telah memperhalusi kaedah penilaian dan pemantauan serta bimbingan secara terus, terutamanya bagi pelajar yang tercicir, di samping mematuhi garis panduan akreditasi badan profesional seperti Lembaga Arkitek Malaysia.

##### **Tanda Aras (Benchmark)**

Di samping trend positif dalam mencapai Objektif Kualiti FSPU, keberkesanan ODL juga mengambil kira pematuhan garis panduan akreditasi badan profesional. Berdasarkan Laporan Pemeriksa Luar, pelaksanaan ODL, terutamanya bagi program design-based dianggap berjaya kerana dapat mencapai objektif pembelajaran yang ditetapkan dengan memberi pengalaman pembelajaran yang holistik dengan pendekatan student-centred learning. Setakat ini, program di FSPU masih mengekalkan akreditasi badan profesional tempatan dan antarabangsa seperti RIBA dan RICS. Peralihan kepada PdP ODL juga memanfaatkan ICT secara lebih menyeluruh bagi meningkatkan kualiti pembelajaran, selaras dengan agenda Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, Revolusi Industri (IR 4.0) dan Education 5.0.

Pada tahun 2020, bidang Senibina/Alam Bina UiTM telah berjaya memasuki tangga ke-200 teratas dalam QS World University Ranking. Ini memberikan aspirasi serta membuka peluang dalam mengoptimakan PdP ODL sebagai norma baharu pada masa akan datang.

Keberkesanan penilaian secara ODL di FSPU juga telah penerima peingiktirafan di peringkat UiTM dan FSPU dengan Anugerah ODL UiTM 2020 dan beberapa kategori ODL dan digital content di Majlis Anugerah Kecemerlangan Fakulti (MAKEF) FSPU 2020. Ini juga membuka ruang kepada pembangunan pedagogi pendidikan Alam Bina yang lebih kreatif dan inovatif dalam menyahut cabaran IR4.0.

### **Kepentingan (Importance)**

Sasaran utama adalah untuk mencapai Objektif Kualiti FSPU dan UiTM dalam memastikan pendidikan berterusan dalam situasi pandemik. Pencapaian yang memberangsangkan membuktikan bahawa sistem pembelajaran yang dinamik menjadi pemangkin dalam merealisasikan Matlamat Pelan Strategik UiTM 2025 menjadi universiti bertaraf global. Selaras dengan IR4.0, keberkesanan penilaian ODL dapat melahirkan graduan yang lebih tangkas dan menzahirkan sistem pembelajaran yang dinamik dan mudah beradaptasi dengan keperluan industri melalui dunia digital.

Perakuan akreditasi daripada badan profesional tempatan dan antarabangsa memastikan kaedah pembelajaran serta pencapaian pelajar kekal relevan dalam situasi pandemik. Ini memenuhi Piagam Pelanggan FSPU dalam memastikan pelajar mempunyai kelulusan akademik dalam bidang Alam Bina yang diiktiraf oleh badan profesional serta menepati keperluan industri.

### **7.1.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [7.1.2 FSPU\\_TAHAP \(Level\).pdf](#)

### **7.1.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [7.1.3 FSPU\\_TREN \(Trend\).pdf](#)

### **7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [7.1.4 FSPU\\_PERBANDINGANTANDA ARAS \(ComparisonBenchmark\).pdf](#)

### **7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [7.1.5 FSPU\\_KEPENTINGAN \(Importance\).pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.2 HASIL UTAMA 2**

Hasil Utama 3 adalah berasaskan proses operasi dimana doktrin penambahan nilai secara global di FSPU: Pembudayaan dan penganjuran aktiviti-aktiviti yang mempunyai impak signifikan kepada teori-teori asas pembelajaran dan pengajaran didalam menjana warga akademik dan graduan beretika, berintegriti, “industrial relevant” serta berdaya mampu.

#### **7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Menjuarai pembangunan bumiputera profesional yang tangkas menerusi kurikulum terkehadapan dan penyelidikan berimpak serta seiring dengan pelan strategik universiti 2021 ke arah universiti terkemuka dunia, FSPU merupakan katalis penting didalam usaha merealisasikan misi ini. Sebagai fakulti yang mempunyai program, bidang dan akreditasi bidang profesional yang diversiti, usaha tambah nilai berteraskan keseimbangan intelektual (*intellect*) dan insaniah (*soul*) di dalam era globalisasi giat dijalankan di fakulti. COVID-19 bukan sahaja mencabar ketersediaan kita menghadapi krisis, namun FSPU kekal komited didalam menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajar dan sumbangan kepada komuniti. Komitmen berterusan ini terzahir dengan kewujudan pelbagai aktiviti-aktiviti yang membudayakan kepentingan komitmen yang tinggi ke arah kelestarian kewujudan institusi untuk kekal relevan. Antara impak kepada keberkesanan pengurusan pengajaran dan pembelajaran di FSPU adalah dengan terbentuknya aktiviti-aktiviti yang mempunyai nilai tambah (*value-added*) di dalam usaha membudayakan etika dan integriti serta daya mampu graduan dan warga akademik FSPU untuk menghadapi budaya kerja yang mencabar dan memerlukan pengurusan masa yang berkesan.

PALAM Fest 2019 dianjurkan oleh gabungan program “Design Based” FSPU di kampus Puncak Alam iaitu Pusat Pengajian Perancangan Bandar dan Wilayah, Pusat Pengajian Senibina Lanskap, Pusat Pengajian Senibina dan Pusat Pengajian Senibina Dalaman dengan berpaksikan pembentukan graduan yang berprogresif, cemerlang dan berketerampilan untuk menghasilkan korpus ilmu berkaitan alam bina yang holistik. Kewujudan acara ini bukan sahaja mencorak akademik ilmiah bahkan meneraju kelestarian pembangunan pembelajaran seiring dengan misi global didalam United Nation (UN) 17 SDGs. Program ini telah dirasmikan pada tarikh 15 November 2019 oleh Ar. Hijjas Kasturi sebagai pengiktirafan dan penghargaan terhadap peranannya sebagai pengasas Fakulti Seni dan Senibina di Institut Teknologi MARA (ITM, yang kini dikenali sebagai UiTM) pada tahun 1967.

Sejak dengan “*Education 5.0*”, pengajaran dan pembelajaran di FSPU telah pun mula menggunakan platform atas talian sejak beberapa tahun kebelakangan. Bukti dapat dilihat dengan kemenangan beberapa produk MOOCs and FSPU merupakan fakulti terbanyak menghasilkan MOOC. Gerakan dan usaha ke arah pembelajaran digital seolah mempersiapkan para pensyarah, pentadbir dan juga pelajar tentang kemunculan COVID-19. Walaupun pengaplikasian pembelajaran di atas talian belum lagi dijalankan secara keseluruhan, namun COVID-19 telah memaksa warga FSPU untuk akur dan menerima bahawa salah satu kebestarian “*Education 5.0*” adalah memastikan penyampaian ilmu dan pembelajaran masih dapat diteruskan walau kita berada didalam keadaan krisis yang mendesak. FSPU adalah diantara beberapa fakulti yang terpaksa menjalakan kuliah 3B yang bermaksud secara hibrid, dimana terdapat beberapa subjek yang masih memerlukan penggunaan makmal and studio secara langsung.

Daya memasukkari pernyataan pengajaran ini adalah kuat dan juga mantab, para pensyairan mengambil inisiatif proaktif untuk belajar menggunakan platform-platform pengajaran secara maya, selain daripada belajar menggunakan *software* dan *hardware* untuk menyediakan video-video rakaman syarahan dan makmal untuk pelajar-pelajar yang mempunyai masalah untuk turut serta di dalam kelas secara “*live streaming*”. Dengan tagline “memudahcara” dan “berempati” matlamat dan hasrat kedua pihak (pensyarah dan pelajar) dapat dipenuhi.

### **7.2.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [7.2.2 FSPU\\_Tahap \(Level\).pdf](#)

### **7.2.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [7.2.3 FSPU\\_Tren \(Trend\).pdf](#)

### **7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [7.2.4 FSPU\\_PERBANDINGANTANDA ARAS \(Comparison Benchmark\).pdf](#)

### **7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [7.2.5 FSPU\\_KEPENTINGAN \(Importance\).pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.3 HASIL UTAMA 3**

Hasil Utama 2 memberi fokus kepada tumpuan kepada sumber manusia melibatkan program yang mendapat akreditasi di peringkat kebangsaan (MQA dan badan profesional tempatan) dan antarabangsa (RICS, RIBA, CIOB, World Urban Parks) selaras dengan moto utama Fakulti iaitu melahirkan generasi yang profesional.

#### **7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Senarai program yang ditawarkan di FSPU merangkumi 6 Program (*Non-design based*) iaitu Ukur Bahan, Sains Ukur Geomatik, Pengurusan Pembinaan, Ukur Bangunan, Pengurusan Hartanah, Pengurusan Taman dan Ameniti dan empat (4) Program (*Design based*) iaitu Perancangan Bandar dan Wilayah, Seni Bina, Seni Bina Lanskap dan Seni Bina Dalaman.

Sepuluh (10) program yang ditawarkan di FSPU mendapat akreditasi daripada *Malaysian Qualification Agency* (MQA) dan badan-badan profesional dunia dan tempatan untuk menjamin kualiti bidang yang ditawarkan. Program yang diakreditasi di peringkat antarabangsa melibatkan CIOB, RIBA, RICS, APREA dan World Urban Parks. Manakala pengiktirafan badan profesional merangkumi LAM, MIID, PAM, MIP dan RISM. Program dalam FSPU ini juga diiktiraf oleh lembaga tempatan seperti Lembaga Juruukur Bahan Malaysia, Lembaga Arkitek Malaysia, Lembaga Perancang Bandar Malaysia, Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Hartanah Malaysia dan Lembaga Juruukur Tanah.

Pengiktirafan ini memberi jaminan kualiti terhadap program yang ditawarkan malahan membuktikan graduat yang dihasilkan adalah berdaya saing dan selaras dengan slogan FSPU iaitu *Generations of Professional Excellence*. Pengiktirafan daripada MQA (Agenzi Kelayakan Malaysia) yang dahulunya dikenali sebagai Lembaga Akreditasi Negara (LAN) adalah pengiktirafan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang bertanggungjawab menguruskan hal ehwal perjawatan kakitangan kerajaan.

Perakuan akreditasi ini penting sebagai tanda aras kualiti program pengajian dan juga memberi manfaat kepada pelajar. Pengiktirafan ini perlu sentiasa dikemaskini oleh setiap Pusat Pengajian supaya ianya aktif, relevan dan memenuhi keperluan pasaran semasa. Demi mencapai matlamat kepuasan pelanggan yang baik dalam akreditasi ini, antara proses utama yang perlu dilalui demi menjamin kualiti program adalah:

Langkah 1: Mengenalpasti matlamat utama FSPU

Langkah 2: Mengenalpasti faktor kejayaan FSPU

Langkah 3: Mengenalpasti Keperluan dan respons pelanggan

Langkah 4: Mengukur dan menilai hasil untuk penampaikan

Contohnya, dalam konteks Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), akreditasi program dilaksanakan bagi membuat penilaian dalam menentukan sama ada suatu program itu memenuhi ‘standard kualiti’ yang ditetapkan ataupun tidak. Program ini bertujuan untuk memastikan kursus yang ditawarkan menepati standard dan kriteria Kod Amalan Akreditasi Program (*Code of Practice for Programme Accreditation*, COPPA), mematuhi Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework*, MQF) dan garis panduan lain yang berkaitan program yang mematuhi standard kualiti dan kriteria yang ditetapkan akan diberikan perakuan/status akreditasi dan program berkenaan layak menggunakan perkataan pengiktirafan dari MQA.

Antara proses utama yang terlibat adalah penyediaan laporan dan komen panel khususnya pada musim COVID-19 atau PKP beserta dokumen sokongan yang lain. Kejayaan akreditasi ini

Surya bergerak dari aspek kepimpinan, perancangan strategik, tumpuan pelanggarn, pengukuran dan analisa dan tumpuan pada operasi yang sistematis dan efisien.

### **7.3.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [7.3.2 FSPU\\_TAHAP\(Level\).pdf](#)

### **7.3.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [7.3.3 FSPU\\_TREN \(Trend\).pdf](#)

### **7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [7.3.4 FSPU\\_PERBANDINGANTANDA ARAS \(ComparisonBenchmark\).pdf](#)

### **7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [7.3.5 FSPU\\_KEPENTINGAN \(Importance\).pdf](#)